



# PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KETIGA BELAS**

Pada

PADA 30 SEPTEMBER 2013

*bersamaan*

24 Zulkaedah 1434

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**  
**MESYUARAT YANG KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

PADA 30 SEPTEMBER 2013

*bersamaan*

24 ZULKAEDAH 1434

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

**KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>ISNIN, 30 SEPTEMBER 2013</b>		
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Upacara Mengangkat Sumpah Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Besut	5
4.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan	5
5.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan	8
6.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-Soalan Bertulis	10
	(ii) Soalan-Soalan Lisan	15
7.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	- Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri (Tambahan Peruntukan Yang Pertama)	39

8.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan Tambahan 2013	48
	(ii) Enakmen Rumah Tumpangan (Negeri Terengganu) 2013	56
7.	Tungguhan	72
8.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	73

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Tuan Haji Mohd Zubir bin Embong, AMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, DPMT.,SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Haji Rozi bin Mamat, SMZ.,AMT.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, AMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Sabri bin Mohd Noor, DIMP., PPN., PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Mahdi bin Musa  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Tuan Haji Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF:**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

PUKUL 9.30 PAGI

**DOA**

Sebelum Doa dibacakan, Yang Berhormat Yang Dipertua mengajak Dewan menghadihkan Surah Al-Fatihah kepada kedua-dua Allahyarham Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar dan mantan Menteri Besar Kedah, Saudara Ustaz Azizan bin Abd. Razak yang telah kembali ke rahmatullah. Seterusnya Doa dibacakan oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

**UPACARA MENGANGKAT SUMPAAH  
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KUALA BESUT**

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Upacara Mengangkat Sumpah Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Besut. Dengan hormatnya dipersilakan Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Cheku Abdul Rahman.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD.  
RAHMAN MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN  
UNDANGAN NEGERI KAWASAN KUALA BESUT DI HADAPAN  
YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah, kita telah selesai Upacara Mengangkat Sumpah Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Besut dan saya bersyukur kepada Allah S.W.T. dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Wakil Kuala Besut kerana telah dipilih dan diberi kepercayaan oleh rakyat di kawasan beliau untuk menjadi wakil di dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Syabas dan tahniah diucapkan.

## **UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati sidang dan saudara-saudari yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah wasyukurillillah. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan serta limpah kurniaNya dapatlah sekali lagi kita di hari yang mulia ini kita bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Yang Kedua, Penggal Persidangan Yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan kita selepas ini dimulai dengan Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. Pihak Dewan kali ini telah menerima sebanyak 50 soalan-soalan secara keseluruhannya di mana sebanyak 30 Soalan Bertulis dan 20 soalan secara lisan. Seterusnya Insya Allah, kita akan membentangkan satu usul dan dua enakmen untuk dibahas dan diluluskan dan saya menjangkakan akan ada perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan saya berharap agar kita dapat mengawal masa kerana persidangan kita pada kali ini hanya sehari. Insya Allah saya akan memberikan peluang dan ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua dan kita jangka akan tamat pada penghujung hari ini, Insya Allah. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan yang bermakna untuk agama, bangsa dan negara, Insya Allah. Jadi nasihat ikhlas saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pastikan segala Tertib, Peraturan Dewan Negeri Terengganu dipatuhi dan semasa perbahasan diucapkan jagalah tatasusila kita terutama tutur kata kita semua. Marilah sama-sama kita mengelakkan dari segala yang menyakitkan hati rakan-rakan kita dan pastikan sumbangan kita adalah yang terbaik dan tidak sebaliknya. Saya juga memohon Ahli-ahli Yang Berhormat semua mematuhi peraturan-peraturan berbahas dalam Fasal 46. Saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat semua kita menjaga setia kawan sesama kita. Marilah kita wujudkan tunjangan 'Ar-Rahman Ar-Rahim' dalam Dewan yang mulia ini. Marilah kita wujudkan suasana aman dan tenteram di dalam Dewan yang berpaksikan kepada 'Ukhwah Islamiah'. Marilah kita contohi junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. apabila berbahas dan juga berdebat. Seperti biasa persidangan kita pada hari ini disaksikan oleh anak-anak terutama generasi yang mendatang dan kita

mengalu-alukan kehadiran mereka. Sebagaimana yang kita katakan sebentar tadi bahawa apa yang kita lakukan dalam Dewan ini akan menjadi ikutan, turutan dan perhatian dan ingatan kepada mereka semua.

Akhir kata, selamat bersidang mudah-mudahan persidangan kita kali ini lebih cemerlang, berjaya serta diberkati oleh Allah S.W.T. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2013.

(D.U.N. Bil.1/2013)

2. Anggaran Perbelanjaan Bekalan Tambahan Pertama 2013.

(D.U.N. Bil.2/2013)

3. Penyata Tahunan Tahun 2012 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.3/2013)

4. Penyata Kewangan Tahun 2012 Yayasan Islam Terengganu.

(D.U.N. Bil.4/2013)

5. Penyata Kewangan Tahun 2012 Majlis Daerah Setiu.

(D.U.N. Bil.5/2013)

6. Penyata Kewangan Tahun 2012 Majlis Daerah Marang.

(D.U.N. Bil.6/2013)

7. Penyata Kewangan Tahun 2012 Majlis Daerah Hulu Terengganu.

(D.U.N. Bil.7/2013)

8. Penyata Kewangan Tahun 2012 Majlis Daerah Besut.

(D.U.N. Bil.8/2013)

9. Penyata Kewangan Tahun 2012 Majlis Perbandaran Kemaman.

(D.U.N. Bil.9/2013)

10. Penyata Kewangan Tahun 2012 Majlis Perbandaran Dungun.

(D.U.N. Bil.10/2013)

11. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2012 Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.11/2013)

12. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2012 Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

(D.U.N. Bil.12/2013)

13. Penyata Kewangan Tahun 2012 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.13/2013)

## **SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

### **SOALAN-SOALAN BERTULIS**

[ LAMPIRAN ]

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sebelum kita memulakan sesi Soalan-soalan Lisan dan Soalan-soalan Bertulis, saya ingin mengalu-alukan kehadiran dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pemerhati-Pemerhati yang terdiri daripada:

1. Pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Chung Hwa Wei Sin, Terengganu.
2. Pensyarah serta mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaysia Terengganu.
3. DUN Bukit Payong.
4. DUN Rhu Rendang.
5. Ketua Penolong Pengarah Audit Negeri.

Saya juga ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini pematuhan kepada peraturan 119. Pematuhan kepada peraturan ini melibatkan semua Ahli Yang Berhormat dan juga Pemerhati sekalian, penggunaan telefon bimbit, i-Pad dan segala bentuk yang serupa dengannya untuk merakam, mengambil gambar dan menyiarkannya, contohnya ke dalam Facebook dan sebagainya adalah dilarang sama sekali penggunaannya di dalam sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri ini.

Yang keduanya, saya juga ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian pematuhan kepada Aturan Berpakaian Fasal 121A. Jadi saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya pastikan pemakaian itu dipatuhi dan jika sebaliknya maka Yang Dipertua boleh tidak membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat berada ataupun duduk di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi sama-samalah kita mematuhi peraturan itu untuk kebahagiaan kita bersama. Kalau kita tengok di dalam peraturan ini ianya jelas. Jadi saya rasa sekadar itu sahaja. Marilah kita teruskan .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Dipertua. Saya ingin membangkitkan peraturan mesyuarat 17 iaitu berkenaan dengan rekod dan juga rakaman-rakaman perbahasan ataupun aturan mesyuarat yang mengikut *Standing Order* kita diwajibkan supaya rekod-rekod ini diberi kepada semua Ahli Dewan 7 hari sebelum daripada persidangan seterusnya berlangsung. Saya juga ingin bertanya kepada Dewan sama ada semua rekod yang telah disediakan untuk semua Ahli Dewan adalah disemak dengan teliti kerana mengikut aturan kertas tata tertib persidangan hari ini tidak dinyatakan bahawa minit mesyuarat yang lalu sebahagian daripada isi kandungan tata tertib mesyuarat pada hari ini. Saya membangkitkan perkara ini kerana mengikut *Standing Order* kita perkara 17, 18 hinggalah ke 20 terkandung dengan jelas bahawa segala rekod yang disediakan dan diberi semakan kepada Ahli Dewan pada hari ini adalah untuk tujuan pengesahan juga. Saya bangkitkan perkara ini kerana dia menyentuh tentang hal ehwal DUN Bandar. Pada muka surat 8 saya dapati ada makluman iaitu saya faham bahawa makluman ini yang dikemukakan sebagai tambahan ataupun *additional* dengan izin, adalah untuk tujuan membuat pembetulan tetapi pada muka surat 8 kalau Yang Dipertua perhatikan bahawa *Order* (Tertib) pada mesyuarat yang lalu tidak direkodkan dengan betul terutama berkenaan dengan ucapan perbahasan berkenaan dengan usul-usul iaitu Usul Merafak Sembah Dan Menjunjung Kasih diletakkan di bawah perkara 8.1 di mana tata tertib atau tertib aturannya tidak ditandakan dengan betul. Saya mintak Tuan Yang Dipertua menegur atau membuat pembetulan. Dan saya faham mengikut *Standing Rules* yang ada ditangan saya ini meminta supaya Dewan membuat pembetulan dan membuat perisytiharan akan ada satu pembetulan secara rasmi dibuat. Kalau Ahli Dewan semua perhatikan bahawa selepas perkara 8.1, ada perbahasan berkenaan usul yang dimulakan dengan Yang Berhormat Air Putih, kemudian disusuli dengan Yang Berhormat Wakil Jabi, saya rasa aturan ini tidak betul sebab saya jugak merekod dengan jelas bahawa aturan-aturan kita yang dijalankan pada hari tersebut berlainan dengan aturan yang ada di .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Bandar, kita akan semak dan kita akan beritahu kemudian.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang saya hendak sebut dengan jelas bahawa ucapan saya mewakili Bandar langsung tidak tercatat dalam rekod ini. Ini memberi impak, memberi kedudukan seolah-olah ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah Wakil Bandar, duduk dulu. Kita akan teruskan dengan agenda kita, kita akan semak terlebih dahulu dan saya akan beritahu balik.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya berhak di bawah peraturan, *Standing Order* ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, Ya. Kita akan semak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kerana Yang Dipertua seolah-olah memberi gambaran bahawa Wakil Rakyat DUN Bandar langsung tidak berfungsi dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. ada rekod dan kita juga ada rekod. Kita akan tengok macam mana dan kita akan perbetulkan. Boleh Y.B.? Kita akan semak rekod, kita akan tengok dokumen, yang mana betul, yang mana salah. Kalau salah kita akan *rectify*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak akan bangun kalau ia tidak terkandung di dalam Peraturan Mesyuarat ataupun *Standing Order*.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Bandar duduk dulu. Kita akan teruskan dengan agenda kita yang panjang lagi, sebab kita ada satu hari dengan enakmen dan usul dan sebagainya. Saya mintak duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Cuma saya mintak jaminan daripada Yang Dipertua, di akhir persidangan pada hari ini akan ada satu makluman tentang pembetulan atas perkara ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita akan semak dulu. Okey Y.B. Bandar. Terima kasih Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau begitu saya tidak dapat kepastian bilakah semakan ataupun pembetulan ini dibuat untuk diedarkan kepada semua Ahli Dewan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, kita akan semak dulu. Kalau perlu kita buat pembetulan kita akan buatlah. Mintak duduk dulu. Tak apa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Adakah hari ini pembetulan itu akan dibuat?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tengok masa kalau sempat sebab hari ini banyak perbincangan yang perlu kita uruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya akan bangkitkan lagi sekiranya tidak ada pembetulan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa Bandar. Terima kasih Bandar. Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
(Wakil Jertih)
2. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
3. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)
4. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggal)
5. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
6. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)

7. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)
8. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
9. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)
10. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)
11. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepuh)
12. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
13. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
14. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya nak rujuk kepada Soalan Bertulis yang dibekalkan, jawapan dia. Di muka surat 11, nampak macam ada tertinggal jawapannya itu. Ada dua soalan, soalan pertama ditolak dan soalan kedua jawapan itu: "Maklumat syarikat sebagaimana di bawah:- ....." Tiada. Yang Berhormat perasan tak?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bagi kita semak balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, cuba tengok tu. Jawapan: "Hanya sebuah syarikat sahaja. Maklumat syarikat sebagaimana di bawah:- ....." Kosong. Mungkin tertinggal kot. Kalau boleh dibekalkan balikkah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh, boleh. Kita semak dan kita akan bekalkan, Insya Allah. Terima kasih Ladang.

**SOALAN-SOALAN LISAN**

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Jertih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

*Adakah Kerajaan Negeri Terengganu mempunyai perancangan bagi pembangunan semula bandar-bandar di setiap daerah dalam negeri Terengganu?*

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan Pemerhati-Pemerhati sekalian. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri Terengganu untuk mengadakan perancangan dan pembangunan semula bandar-bandar di setiap daerah dalam negeri Terengganu bagi memenuhi tuntutan semasa dan juga bagi memastikan bahawa perancangan pembangunan ini sesuai dengan peredaran masa dan kehendak masyarakat ketika ini. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan perancangan-perancangan tertentu bagi daerah-daerah tertentu bagi memastikan bahawa segala kemudahan ini dapat dilaksanakan. Sebagai contoh Yang Berhormat Yang Dipertua, Kuala Terengganu iaitu penyediaan Rancangan Kawasan Khas melibatkan Pembangunan Ladang Sahak, Pembangunan Batas Baru, Pembangunan Gong Kapas, Pembangunan Tapak IPD Lama, Pembangunan Ladang Tanjung, Pembangunan Kuala Terengganu City Centre (KTCC), Pembangunan Semula Cabang Tiga, Pembangunan Pusat Komersial Gong Badak dan Pembangunan Semula Kampung Tiong. Ini yang dilakukan dan kita lihat bahawa Pembangunan Kampung Ladang telahpun dimulakan dengan pembinaan rumah-rumah kediaman dan pengambilan balik telahpun dilakukan dan Insya Allah dalam tidak beberapa lama lagi pembinaan kedai khususnya untuk golongan bumiputera akan dimulakan. Begitu juga dengan Pembangunan KTCC, dijangka dalam tempoh yang terdekat ini kerja-kerja pembinaan sebuah kompleks membeli belah sebesar atau seluas 900,000 kaki persegi akan dimulakan termasuk pembinaan hotel dan apartmen. Begitu juga saya difahamkan bahawa pembinaan *Drawbridge* yang akan menghubungkan antara Kuala Terengganu (Bahagian

Selatan) dengan Seberang Takir (Bahagian Utara) akan ditender pada bulan Oktober nanti. Manakala kerja-kerja pembinaan Pejabat Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dijangka akan dimulakan pada bulan Oktober ini. Di samping pembinaan-pembinaan lain termasuklah Pembangunan Semula Cabang Tiga dan juga perancangan Pembangunan Ladang Tok Pelam, Tanjung, Ladang Sahak dan sebagainya.

Di samping itu, bagi Kuala Nerus iaitu Kuala Terengganu Utara, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan daerah baru Kuala Nerus. Untuk itu kerja-kerja permulaan bagi pertapakan Pusat Pentadbiran Kuala Nerus telah dimulakan yang mana kerja-kerja awal pembinaan jalan masuk, sistem perparitan dan juga kerja-kerja tanah telahpun dimulakan. Dan ini akan diteruskan mengikut bajet yang akan disediakan pada akhir tahun ini untuk kerja-kerja seterusnya pada tahun hadapan.

Di samping itu, bagi daerah Besut, kerajaan negeri juga merancang untuk menyusun semula Pekan Jertih sesuai dengan pembangunannya yang mana Kerajaan Negeri telahpun membina Jertih Souq termasuk pembinaan semula stesyen bas dan teksi yang bakal dilaksanakan serta kemudahan-kemudahan lain termasuk kemudahan-kemudahan perniagaan yang akan dilaksanakan secara berperingkat.

Begitu juga bagi daerah Hulu Terengganu, Kuala Berang dan juga sekarang ini Pusat Pentadbiran Daerah Hulu Terengganu termasuk pembinaan Mini Kompleks Sukan Hulu Terengganu dalam proses pembinaan dan begitu juga dengan Penyusunan Semula Pekan Ajil yang mana tender pembinaan bangunan perkedaian telahpun dikeluarkan.

Di samping itu, kerajaan juga merancang Sura Gate sebagai Pusat Komersial dan juga pembinaan Pusat Pentadbiran Baru bagi Daerah Dungun. Manakala bagi kawasan KETENGAH iaitu Bandar Al-Muktafi Billah Shah, kerja-kerja pembangunan yang melibatkan RTC (*Rural Transformation Centre*) akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Di samping itu, kerajaan negeri juga merancang untuk membina bandar-bandar baru pada masa depan. Sebagaimana yang saya kata tadi bahawa yang pertamanya, Kuala Terengganu iaitu Pembangunan Bandar Baru Bukit Besar yang

mana ketika ini sebahagian tanah-tanah atau pengambilan balik telahpun dilakukan dan sebahagian pejabat-pejabat federal telahpun mula kerja-kerja pembinaan, di samping pembinaan Masjid Baru Negeri yang bakal didirikan di kawasan Bandar Baru Bukit Besar yang mana kerja-kerja tanah telahpun bermula ketika ini. Di samping juga kerja-kerja pengambilan balik tanah untuk infrastruktur jalan dan perparitan akan dilaksanakan secara berperingkat dari masa ke semasa.

Begitu juga sebagaimana saya katakan tadi Pembangunan Bandar Baru Kuala Nerus ini yang dalam peringkat pelaksanaannya dan juga Bandar Baru Kijal di Kemaman yang mana melibatkan pembinaan Pasaraya Giant, Kolej Komuniti, Tekstile Hub dan juga pembinaan Balai Bomba yang akan dilaksanakan tidak lama lagi termasuk pembinaan projek-projek perumahan dan perkedaian yang akan dilaksanakan termasuklah juga pembinaan projek perumahan oleh Eastern Steel Peringkat Pertama seluas 50 ekar akan dilaksanakan di kawasan yang berkenaan. Ini adalah sebahagian daripada permohonan 100 ekar yang akan dibangunkan oleh pihak Eastern Steel untuk pekerjanya, kerajaan negeri hanya meluluskan peringkat pertama 50 ekar dan setelah siap 50 ekar yang pertama barulah diluluskan 50 ekar yang berikutnya.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya yakin dan percaya bahawa hasil perancangan yang dibuat oleh kerajaan dan kita akan lihat dalam tempoh 5 tahun ini muncul pembangunan-pembangunan baru yang lebih ketara di seluruh negeri Terengganu untuk memenuhi kehendak dan keperluan peniaga dan juga penghuni-penghuni di bandarnya. Itulah sahaja Yang Dipertua. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan tambahan Yang Dipertua. Ada disebut Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Penyusunan Semula Bandar Jertih iaitu melibatkan Jertih Souq dan Perhentian Bas. Saya ingin mendapat maklum bahawa hasil daripada penempatan anggota-anggota TUDM dan alhamdulillah baru-baru ini UniSZA Kampus Besut iaitu di Tembila telah mengambil pelajar-pelajar baru. Saya melihat bahawa daerah Besut yang mana Jertih menjadi pusat pentadbiran begitu *crowded* sekali dengan izin. Saya melihat bahawa sesuatu perlu dibuat berkait dengan pembangunan sebelah kiri bandar Jertih iaitu di kawasan Belakang Gudang. Jadi soalan tambahan saya adakah dalam perancangan Penyusunan Semula Bandar Jertih yang melibatkan kawasan Belakang Gudang yang terdiri daripada tanah TOL atau ada sebilangan besar lagi

melibatkan tanah kerajaan dan rezab sungai termasuk dalam perancangan Penyusunan Semula Bandar Jertih? Terima kasih Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, memang benar Belakang Gudang juga merupakan sebahagian daripada perancangan kerajaan termasuk kerja-kerja pengambilan balik tanah yang akan dilakukan di kawasan berkenaan. Dan satu lagi kerajaan negeri merancang untuk membina satu kawasan baru iaitu di kawasan Dendong, Bukit Keluang untuk memenuhi keperluan universiti UniSZA dan juga Taman Ilmu yang dibangunkan di kawasan berkenaan serta kerajaan merancang untuk membina laluan baru bermula daripada Tembila terus ke Bukit Keluang, Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua, Parlimen Besut dan Jertih merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri di atas perancangan tersebut cuma satu lagi soalan tambahan yang selalu diungkit oleh masyarakat Besut berkait dengan strategi ataupun perancangan kerajaan bagi mewujudkan Hospital Daerah Besut sebagai Hospital Berpakar. Saya rasa usaha ini telah diambil oleh kerajaan negeri, yang mana alhamdulillah pada tahun yang lalu kalau tak silap saya, daerah Kemaman telah berjaya mendapat Hospital Berpakar dan saya rasa amat sesuai sekali pada kali ini tibalah giliran daerah Besut. Cuma saya melihat sebagai persiapan kerajaan negeri, adakah perancangan dibuat bagi kerajaan negeri membuat perancangan mengambil tanah di sekitar Hospital Besut kerana kita dapati hari ini bangunan-bangunan dan infrastruktur yang ada dalam kawasan Hospital Daerah Besut begitu padat sekali. Dan seandainya, perancangan, hasrat dan cita-cita kita untuk menjadikan Hospital Besut itu Hospital Berpakar, saya yakin dan percaya kita tidak mempunyai keluasan kawasan yang secukupnya. Jadi soalan tambahan saya adakah perancangan telah dibuat oleh kerajaan untuk mengambil balik tanah di sekitar Hospital Jertih (Besut)? Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, memang menjadi hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Hospital Besut sebagai Hospital Berpakar dan permohonan telahpun dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Buat ketika ini pihak kerajaan negeri belum lagi

menerima apa-apa permohonan daripada kementerian atau kerajaan pusat untuk proses pembesaran kawasan berkenaan kerana kita dapati bahawa ketika ini kawasan Hospital Daerah Besut ini sudah mencukupi dan apa yang perlu ialah bangunan-bangunan baru, kalau dulu kita lihat bangunan lama yang sebuah-sebuah, apabila dirobuhkan bangunan itu dia boleh dijadikan bangunan bertingkat dan keluasan yang ada masih lagi mencukupi ketika ini. Kerajaan sedang menunggu kelulusan daripada pihak kementerian, daripada kerajaan pusat untuk mendapatkan kelulusan Hospital Berpakar dan juga pembinaan bangunan-bangunan baru, yang ada telah usang dan tidak sesuai lagi sebagai sebuah negara yang maju. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan terakhir. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi cuma saya rasa kekok sikit kerana Timbalan tanya Pengerusi ingatkan orang lain jawab. Tak apalah. Soalan saya yang terakhir iaitu baru-baru ini alhamdulillah, semasa Program Sambutan Hari Raya yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian di daerah Besut dihadiri oleh Pengarah Pertanian Negeri yang mana Pengarah telah bersetuju agar satu lokasi yang menjadi milik tanah Pertanian Negeri di Kampung Gong Nering akan dijadikan atau didirikan kompleks bagi mewujudkan satu Pusat Pemasaran Produk Pertanian yang mana saya sangat bersetuju kerana di Gong Nering adalah satu lokasi yang agak di luar daripada bandar ataupun di pinggir bandar kerana hari ini saya melihat bandar Jertih trafikanya ataupun lalu lintasnya begitu teruk sekali bukan sahaja semasa musim-musim perayaan malah termasuk semasa hari Khamis sendiri pun ataupun hari-hari gaji ianya menjadi *traffic jam* yang amat teruk. Jadi dengan sebab itu saya mengambil peluang hari ini untuk bertanya adakah perancangan dibuat oleh kerajaan negeri iaitu perbincangan dengan kerajaan pusat bagi mewujudkan jalan-jalan alternatif ataupun jalan-jalan baru bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar Jertih. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Kita pergi kepada .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya perlu memberikan jawapannya. Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri bahawa kita akan membina sistem jalan raya yang lebih baik untuk negeri

Terengganu pada masa depan termasuk menyediakan jalan empat lorong dari Kuala Terengganu sampai ke Jertih secara berperingkat. Dan begitu juga kita sedang meminta pihak Jabatan Perancang Bandar Dan Desa bersama dengan JKR membuat kajian tentang penyuraian jalan di bandar-bandar utama kita pada masa depan. Justeru itu, saya percaya bahawa ianya memang dalam perhatian dan tindakan kerajaan negeri dan memberikan keselesaan kepada penduduk termasuk di Terengganu sendiri, Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Berhormat, duduk. Kita bagi tiga sahaja soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila duduk, Yang Berhormat. Sila duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak pergi kepada *Standing Orderlah* kalau macam ini Tuan Yang Dipertua, di bawah Peraturan 25(2), kita boleh mengemukakan soalan tambahan dan bukan hanya kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya sahaja yang boleh bertanya soalan-soalan tambahan ini. Soalan yang ditimbulkan itu melibatkan pembangunan negeri Terengganu dan Kuala Terengganu tambahan lagi Kuala Terengganu ini ibu negeri. Pelbagai masalah yang timbul di ibu negeri Kuala Terengganu ini, pembangunan kita tidak tolak tetapi yang kita tolak apabila berlakunya kepincangan dan pelanggaran peraturan-peraturan pembangunan itu sendiri. Yang terakhir contoh yang jelas ialah .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok, Batu Burok, mengikut Fasal 125(2), keputusan Yang Dipertua adalah muktamad. Jadi saya mintak kita kekalkan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya tahu peraturan itu tetapi dari segi kepentingan yang ada ini perlu diberi perhatian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok saya minta duduk dulu sebab panjang lagi ni dan orang lain nak berbahas ramai lagi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kalau kita melihat kepada apa yang sedang berlaku dalam negeri kita ini. Sebab itu saya mintak diberi perhatian ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... tentang perkara-perkara yang berlaku yang mana melanggar peraturan-peraturan pembangunan itu sendiri.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok! Hormat Dewan, boleh tak?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sebagai contohnya apa yang berlaku dalam sehari-dua ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita ada ramai pelajar di sini, kita ada Peraturan Dewan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya mengikut peraturan juga.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok, Bandar, duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bandar duduk dulu. Saya menggunakan *ruling* yang ada dalam buku ini. Saya masih mematuhi *ruling* yang ada.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua mesti membuat *ruling*, buat keputusan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dan keputusan mesti dibuat apabila dibangkitkan oleh Ahli Mesyuarat ataupun Ahli Dewan, Tuan Yang Dipertua tidak boleh membiarkan benda itu *hanging* macam itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya dah kata tadi, saya punya *ruling* tiga soalan tambahan. Sebab kita panjang lagi, kita ada dua belas lagi. Sila duduk. Sabar, innallah assabirin.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mintak .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sabar Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mintak Tuan Yang Dipertua membantu, terutama yang duduk di sebelah sini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, Insya Allah, Insya Allah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita nak tahu *ruling* Yang Dipertua ni macam mana? Kalau soalan dikemukakan di sebelah pihak saja tidak ada langsung peluang kepada pihak di sebelah sini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada, Insya Allah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya pegang kepada janji Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, Insya Allah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Persidangan yang lepas saya telah membuat *ruling*, saya banyak berpihak kepada pembangkang sehinggakan saya digelar menyelebah pihak pembangkang. Jadi saya tak nak berulang dan saya perlu berlaku adil, kita bai'ah di Dewan ini dan kepada Allah S.W.T. supaya berlaku adil. Jadi kita telah mintak tiga, tigalah terutama kepada mereka yang bertanyakan soalan.

YANG BERHORMAT WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):  
Yang Berhormat Yang Dipertua, maafkan saya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa, kita berhenti dulu. Saya rasa dah cukup dah. Terima kasih Air Putih, ya. Okey, kita pergi kepada seterusnya, Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua,  
soalan saya nombor satu -

*Sehingga kini berapa banyak kes jangkitan Leptospirosis  
(Kencing Tikus) di negeri Terengganu dan telah  
mengakibatkan berapa kes kematian?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang  
Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri  
Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, ketua-ketua dan wakil-wakil  
jabatan, wakil-wakil media, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang  
dihormati sekalian. Terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal di atas soalan yang  
dikemukakan dan saya mewakili kerajaan untuk menjawab soalan berkaitan dengan  
kesihatan. Berkait dengan pertanyaan tentang kes *Leptospirosis* (Kencing Tikus)  
di negeri Terengganu adalah seperti berikut:-

Tahun 2011	:	161 kes dengan 9 kematian.
Tahun 2012	:	126 kes dengan 5 kematian.
Tahun 2013	:	91 kes dengan 3 kematian (setakat 31 Ogos)

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan  
tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya mohon supaya pihak pihak kerajaan

menyatakan di kawasan manakah paling banyak ataupun taburan penyakit ini yang berlaku di negeri Terengganu baru-baru ini kerana kes ini agak serius yang wabak yang banyak yang melibatkan kematian. Bila melibatkan kematian ini adalah sesuatu penyakit yang harus diambil tindakan yang lebih agresiflah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, setakat ini, kes ini yang banyak berlaku ialah di dua daerah iaitu Besut dan Hulu Terengganu untuk tahun 2011. Tetapi untuk tahun ini setakat hari ini ialah di daerah Kemaman dan Besut. Sebenarnya telah banyak langkah yang telah kita laksanakan termasuk apa yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dengan mengadakan kempen dan sebagainya dan juga mengeluarkan *pamphlet* dan arahan supaya orang ramai berhati-hati sewaktu mengunjungi tempat-tempat rekreasi yang berair seperti sungai, kolam atau paya yang persekitarannya kurang bersih. Kerana didapati kebanyakan punca dijangkiti penyakit ini adalah asasnya melalui air dan juga melalui makanan dan minuman. Jadi kerana itulah kita juga mengadakan kempen untuk mengelakkan terutama masyarakat yang di sekitar ataupun yang berada berhampiran dengan air sungai supaya mengelakkan meminum air sungai atau air yang tidak terawat, mandi-manda di sungai atau kolam dan sekiranya mereka didapati ada luka atau sebagainya perlu berhati-hatilah semasa mengunjungi tempat-tempat rekreasi ini.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Kesihatan telah melancarkan Program Kawalan Tikus Peringkat Negeri Terengganu iaitu di Kemaman yang dihadiri kira-kira lebih kurang 500 orang daripada 20 agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta persatuan. Dan dengan pengisian Program Gotong Royong Perdana, kemudian selain daripada itu kita juga menganjurkan program-program gotong royong dan yang terbaru kita di pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu turut menawarkan insentif RM2 bagi setiap ekor tikus yang berjaya ditangkap diserahkan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Yang Dipertua. Mengikut maklumat yang saya dapatlah kebanyakan kes ini berlaku di kawasan rekreasi, di kawasan hululah, antaranya di Sungai Brua, melibatkan kematian orang Asli dan jangkitan yang agak tinggi di situ, di Hulu Terengganu. Baguslah pihak kerajaan menawarkan insentif RM2 bagi seekor tikus

tu. Cumanya saya agak terkilanlah kempen ini dibuat di Bandar Kemaman sedangkan kebanyakan kes ini berlaku di kawasan hulu sungai, tempat orang berkelah dan sebagainya. Apa rasional dia sebenarnya di situ?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ini saya rasa mungkin Wakil Bukit Tunggul pun tak dapat penjelasan tadi. Saya dah beritahu tadi bahawa kes yang kita buat penangkapan tikus oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu ni. Selain daripada itu kita anjurkan banyak gotong-royong dan kita juga di pihak kerajaan melalui Kerajaan Tempatan memang sering kita mengadakan gotong-royong. Dan untuk kes pada tahun 2013 ini sebenarnya di Hulu Terengganu sudah berkurangan. Sekarang ini untuk tahun 2013 ini kebanyakan kesnya ialah di Kemaman dan Besut sebenarnya. Jadi kerana itu penekanan yang kita laksanakan sekarang ini adalah kepada keseluruhan negeri Terengganu tetapi fokus utama kita adalah daerah Kemaman dan juga Besut. Dan kita juga tidak tinggallah kawasan-kawasan yang lain dan kita berharap jugalah pihak di sebelah sana supaya dapat membantu kerajaan dan supaya mereka juga dapat menganjurkan program-program gotong-royong sebab setakat ini tak berapa dengar lagi di pihak sebelah sana membuat program-program seperti yang saya sebut supaya dapat membantu kerana penyakit atau wabak *Leptospirosis* ini dia merangkumi keseluruhan. Jadi di kawasan-kawasan pembangkang pun banyak jugak kes-kes ini. Jadi kerana itu saya nak mengesyorkan di sini supaya kita bersama-sama menanganikan permasalahan ini kerana kes ini sebenarnya bukan kes baru, kes ini sudah lama dah, kalau di Malaysia bermula pada tahun 1925 telah dijumpai dan berlaku di Singapura tahun 1926 tetapi kes ini jarang berlaku. Jadi kerana itulah yang kita rasakan bahawa kes ini kes yang baru tetapi sebenarnya telah lama dah. Dan kes ini juga untuk pengetahuan sidang hadirin sekalian bukan hanya melibat kepada binatang tikus sahaja tetapi juga kepada binatang-binatang yang lain seperti kuda, anjing, khinzir juga lembu dan sebagainya. Jadi perlulah kita menanganikan bersama-sama dalam soal ini dan yang utama sekarang ialah peneranganlah yang perlu kita beri sejelas-jelasnya kepada rakyat kita supaya mereka dapat berhati-hati dan juga dapat memastikan bahawa kes ini akan berkurangan pada masa-masa yang akan datang. Sekian.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Soalan tambahan. Yang pertama sekali yang saya nak sebut di sini soal kerjasama daripada pihak kita (pembangkang) dalam Dewan ini. Tapi apa yang saya dapati yang pertama sekali, program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan tidak

ada jemputan kepada Wakil-wakil Rakyat pihak pembangkang khususnya apabila dianjurkan oleh pihak kerajaan, ini sudah satu diskriminasi dan tiba-tiba kita cakap nak dapat kerjasama tapi program anjuran kerajaan tidak dijemput.

Yang keduanya, memang kita buat, pembangkang ada membuat program-program kita tetapi memanglah surat khabar tidak akan siar program-program yang kita buat jadi pihak kerajaan tidak tahu, yang cawangan kita buat, yang kawasan pun kita buat. Itu satu andaian sahaja daripada pihak kerajaan, ini suatu andaian yang tidak sepatutnya disebut dalam Dewan seperti itu. Cuma yang saya sebutkan tadi, yang saya *concern*, yang saya nak beri lebih penekanan di sini ialah kejadian-kejadian ini banyak memberi implikasi kepada kawasan pelancongan kita, ia memang penyakit ini pembawanya *rodentlah*, tikus, anjing .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan, soalannya terus, panjang sangat tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Nak jelas dulu. Bila disebut pembawa utamanya ialah tikus yang dia kencing dalam air biasanya tempat berkelah dan sebagainya. Jadi di situ saya sebut sepatutnya program-program besar-besaran itu dibuat di kawasan perkelahan dan sebagainya menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk menangani isu ini supaya tidak menakutkan pelancong-pelancong kita untuk berkelah di pusat-pusat rekreasi kita untuk menambahkan pelancongan dan juga untuk meramaikan lagi pengunjung-pengunjung di pusat-pusat rekreasi di negeri Terengganu. Jadi adakah kerajaan selain dibuat di Kemaman, adakah jugak akan dilancar di kawasan perkelahan dan jemputlah kita bersama, Insya Allah kita bekerjasama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tak ada masalah sebenarnya. Jadi setakat hari ini yang kita buat di DUN masing-masing. Macam DUN saya, Seberang Takir, saya buat di Seberang Takir tapi setakat ini kita jugak tak ada menerima jemputan daripada pihak di sebelah sana untuk mengadakan program secara bersama. Jadi kita harap selepas ini, perkara ini akan dapat kita selesaikan dengan secara bersamalah. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan seterusnya, DUN Bandar. Sila.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Tuan Yang Dipertua, soalan saya bil.6 -

*Bilakah LPT dari Jabor ke Kuala Terengganu akan dibuka pada orang ramai sepenuhnya?*

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya hormati, Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, yang saya hormat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Jadi ADUN Bandar ada bertanya bilakah LPT dari Jabor ke Kuala Terengganu akan dibuka pada orang ramai sepenuhnya? Terima kasih kepada ADUN Bandar yang bertanya dan Insya Allah, jajaran LPT2 dari Jabor ke Kuala Terengganu dijangka dibuka sepenuhnya pada bulan September 2014. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada Exco yang mewakili kerajaan menjawab soalan berkenaan dengan LPT. Saya ingin mendapat penjelasan oleh kerana LPT telah diumumkan beberapa kali untuk kemudahan awam untuk menghubungkan Pantai Barat ke Pantai Timur dan telah beberapa kali ditunda tarikh siap dan tarikh penyerahan dan seterusnya tarikh dibuka kepada pengguna awam. Yang saya nak tanya dan mendapat penjelasan dari Dewan hari ini ialah adakah berlakunya penyiasatan, dakwaan ataupun amaran diberi sebagaimana telah diumumkan bahawa setiap pakej yang terlibat itu telah dianugerahkan semula dan wakil Akujanji di Majlis Akujanji tersebut dihadiri oleh wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Malaysia sebagaimana yang telah dimaklumkan di Dewan Parlimen semenjak daripada tahun 2010 lagi. Saya nak tahu ada atau tidak terlibat insiden ataupun peraturan-peraturan ini diambil tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu yang melibatkan jajaran-jajaran kepada anugerah kontrak-kontrak yang baru hasil daripada pengambilan semula itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak kepada ADUN Bandar. Jadi berkenaan dengan status berkenaan dengan perjalanan sambung semula kerja yang sekarang ini sedang berjalan, jadi sebahagian kerja untuk makluman Dewan, pakej LPT ini kita ada sepanjang 184 kilometer yang melibatkan 15 pakej dan juga 35.4 kilometer melibatkan jalan susur. Daripada 15 pakej itu yang ditender semula adalah sebanyak 7 pakej.

Proses dia, telah ada perbincangan antara pihak JKR dan juga kontraktor untuk *Mutual Termination* dan kerja-kerja yang belum siap ini telah melalui proses tender semula secara Tender Terbuka dan diserahkan baru-baru ini dan sekarang ketujuh-tujuh pakej ini sedang berjalan. Dari segi penglibatan Akujanji dan jugak pencegahan rasuah dan sebagainya, perkara itu perlu dibawa ke Parlimen pasal saya tidak ada maklumat untuk perkara-perkara tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. LPT2 yang menghubungkan Terengganu dengan Kuala Lumpur ini adalah merupakan suatu yang begitu penting kepada kita rakyat negeri Terengganu. Tadi Yang Berhormat Exco telah menyebut bahawa jangkaan waktu siap adalah pada tahun 2014 dan jangkaan ini adalah terlalu jauh tersasar daripada jangkaan awal siap iaitu pada tahun 2010 lagi. Jadi timbul terlalu banyak permasalahan-permasalahan yang saya telahpun utarakan di Dewan ini beberapa kali cuma saya ingin mengetahui siapakah yang akan menanggung kos tambahan daripada pembinaan LPT yang tertanggung ini di mana kos asalnya adalah RM3.7 bilion yang sekarang ini telahpun melambung kepada lebih dari RM5 bilion. Adakah Kerajaan Negeri Terengganu yang terpaksa menanggung kerana kontraktor-kontraktor kroni yang diberikan pakej-pakej itu?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Batu Burok yang bertanya. Soalannya apakah kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 ini. Jadi untuk makluman, setakat ini perbelanjaan yang telah dibuat pembayaran ataupun dibuat akuan adalah sebanyak semua sekali daripada pihak JKR sebanyak RM2.653 bilion yang mana sebahagian daripadanya adalah daripada Dana Khas sebanyak RM1.85 bilion dan selebihnya adalah daripada kerajaan. Dan setakat maklumat yang saya ada selain daripada Dana Khas RM1.85 bilion itu perbelanjaan selebihnya adalah datang daripada Persekutuan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan seterusnya. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, soalan yang pertama -

*Berapakah peruntukan kerajaan negeri yang telah dibelanjakan keseluruhannya bagi Program e-Book? Adakah kerajaan bercadang untuk meneruskannya dan berapakah peruntukan baru yang dicadangkan?*

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalannya yang berbunyi: Berapakah peruntukan kerajaan negeri yang telah dibelanjakan keseluruhannya bagi Program e-Book? Adakah kerajaan bercadang untuk meneruskannya dan berapakah peruntukan baru yang dicadangkan?

Peruntukan kerajaan negeri yang telah dibelanjakan bagi Program e-Book 2009 sehinggalah 2012 adalah sebagaimana berikut:-

2009 (Agihan Kpd. Tahun 5)	2010 (Agihan Kpd. Tahun 5)	2011 (Agihan Kpd. Tahun 5)	2011 (Agihan Kpd. Tahun 4)	2012 (Agihan Kpd. Tahun 4)
23,702 pelajar x RM940/unit = RM22,279,880	23,313 pelajar x RM948/unit = RM22,100,724	23,194 pelajar x RM948/unit = RM21,987,912	22,117 pelajar x RM948/unit = RM20,966,916	21,596 pelajar x RM948/unit = RM20,473,008

Jadi inilah jumlah yang kita agihkan untuk pelajar-pelajar dan kerajaan juga bercadang untuk meneruskannya dengan peruntukan yang dicadangkan sebanyak RM21 juta pada tahun ini dengan sedikit penambahbaikan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. Dengan peruntukan yang melebihi RM20 juta setahun, adakah pihak kerajaan membuat kajian berapa buah sekolah yang menggunakan di dalam proses pembelajaran di sekolah mereka, sekolah rendah yang diperuntukkan komputer ini di dalam kelas. Kalau tiada, adakah pihak kerajaan hanya mahu supaya anak-anak kita dibekalkan komputer untuk digunakan di rumah mereka sahaja?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Alur Limbat. Di dalam sistem pendidikan ia berbeza dengan sistem-sistem lain. Pendidikan ia tidak boleh diukur dalam bentuk sukatan satu inci, dua inci dan tiga inci tetapi ia melalui proses yang panjang untuk memperolehi satu-satu ilmu. Memperkenalkan sistem

IT adalah langkah permulaan agar membolehkan generasi baru iaitu peringkat sekolah rendah menjinakkan diri dan rasa minat untuk mendekati sistem ataupun IT ini. Seperti e-Book diperkenalkan dengan dua matlamat yang pertama ialah proses pengenalan awal yang mana jarang dan boleh dikatakan di Terengganu tidak semua ibu bapa berkemampuan menyediakan kemudahan sedemikian rupa. Jadi kerajaan cuba untuk meletakkan rakyat negeri Terengganu rakyat yang terbuka dan tidak buta IT. Jadi langkah pertama diberi ialah satu permulaan awal kepada pelajar kita sekurang-kurangnya dia kenal buka, tutup, main game pun sudah memadai sebab untuk melihat ia maju ke hadapan kita mestilah memulakan dengan langkah satu, langkah dua, langkah tiga dan seterusnya. Jadi memperkenalkan e-Book adalah untuk membolehkan rasa berani, rasa cinta, rasa minat kepada IT menjadi fokus kita yang pertama. Yang kedua, setelah ia memperoleh keberanian *operate* sistem ini dengan sendirinya menimbulkan rasa ingin tahu kepada kanak-kanak tersebut. Dan dari segi pelaksanaannya di sekolah, apakah ia dilaksanakan menyeluruh atau tidak. Saya tidak menolak bahawa ia tidak berlaku menyeluruh kerana ia mempunyai kekangan-kekangan tertentu terutama ada guru-guru yang tidak mempunyai kecukupan kepakaran tetapi itu bukan menjadi alasan kerana kita menghantar Pembantu Teknikal (EIO) di situ untuk membantu pelajar terutama mengendali dan membaiki jika ada kerosakan-kerosakan kecil. Walau bagaimanapun ada di setengah-setengah tempat di sekolah kita telah menjadikan ia bahan pengajaran yang sangat berkesan. Di sini saya dapat memberi satu contoh di Sekolah Kebangsaan Paya Bunga yang sangat dekat dengan kita kalau Y.B. Alur Limbat boleh pergi ke sana dan sesiapa sahajalah untuk melihat bagaimana sistem Kelas Maya dilaksanakan dan penggunaan e-Book dibuat secara optima kerana di situ mempunyai beberapa kemudahan dan kita akan kembangkan dari masa ke semasa ke sekolah-sekolah lain dan sebenarnya bukan di sekolah itu saja, di kawasan saya, di Sekolah Bukit Diman pun ada dan begitulah di sekolah-sekolah yang lain. Jadi apa yang kita lihat hari ini, penggunaan e-Book ini walaupun ia tidak mencapai tahap 100% ia berlaku kepada pelajar kita tetapi ada kemajuan dari segi penguasaan ICT khususnya. Dan perlu diingat bahawa Projek e-Book yang dilaksanakan bukan sahaja dalam bentuk *hardware* semata-mata malah ia merangkumi perisian pembelajaran yang terkandung di dalamnya seperti buku-buku teks, Quran, fardhu ain, kamus dan lain-lainnya yang juga *software* persekitaran kelas yang dikendalikan sebagai Kelas Maya yang telah dilaksanakan sebagaimana sekolah yang saya sebutkan tadi. Implikasinya terhadap pembangunan anak negeri Terengganu adalah sangat memberangsangkan. Saya tegaskan di sini bahawa sekolah yang telah

mengaplikasikan/menggunakan sistem ini telah melihatkan satu perkembangan akademik yang cukup baik. Misal, contohnya, pencapaian akademik, petunjuk yang boleh membuktikan keberkesanan e-Book dan Pembangunan Kelas Maya Negeri Terengganu ialah Sekolah Kebangsaan Paya Bunga, Kuala Terengganu sebagai Sekolah Rintis Kelas Maya Negeri Terengganu. Keputusan Peperiksaan Awam UPSR meningkat dalam UPSR 2012 dalam keadaan gred purata semua negeri dan kebangsaan menurun, Sekolah Kebangsaan Paya Bunga telah meningkat Gred Purata Sekolah (GPS) kepada yang terbaik dalam masa 5 tahun kebelakangan ini. Malah saya dapati kedudukan SKPB, saya ringkaskan dari Sekolah Kebangsaan Paya Bunga, Kuala Terengganu dalam UPSR yang lepas telah meningkat kedudukan yang ke-17 dan Gred Purata Sekolah kepada 1:58 dan kedudukan SK Paya Bunga di peringkat kebangsaan dari kedudukan 4173/7617 tahun 2009 ke kedudukan orang kata mendadak, luar biasa kepada 620/7696, ini kesan dia. Maknanya ia bukan satu perkara yang membazir kalau kita lihat di sudut kemajuan ilmu dan kebolehan. Dan semua Sekolah Maya bukan Sekolah Paya Bunga saja, Sekolah Bukit Diman yang saya sebut tadi, semua Sekolah Maya, sekolah mengintegrasikan e-Book dalam pengajaran dan pembelajaran telah meningkat pencapaian UPSR pada tahun 2012. Itulah saja maklumat yang boleh saya beri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan akhir, ya. Kita sudah tidak ada masa dah ni. Sila.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Adakah jawapan yang diberikan oleh pihak Exco berkenaan dengan soalan ini hasil daripada kajian yang dibuat dengan hanya mengemukakan dua buah sekolah, sekolah di Bukit Diman dan Paya Bunga. Saya rasa sekolah di Paya Bunga pun, saya nak tanya secara jujur wakil ataupun Exco yang menjawab, adakah dia antara sekolah yang terbaik di Kuala Terengganu. Saya mendapat maklumat UPSR dia pun tak seberapa kalau dibandingkan dengan sekolah di kampung saya tu jauh lebih ramai, berbelas-belas orang setahun yang dapat 5A tapi saya seganlah nak sebut, biar Exco sendiri sebutlah berapa orang. Jadi adakah kajian dibuat secara menyeluruh sebab komputer ini bukan sahaja Sekolah Paya Bunga dan Bukit Diman saja tapi keseluruhan pelajar-pelajar dibekalkan dengan kos yang agak tinggi RM940

ataupun RM948 bagi seunit komputer. Kalau sekadar hanya untuk memperkenalkan .....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan, soalan dia.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kalau hanya untuk memperkenalkan baik cari yang harga RM300 – RM400 pun ada, RM150 pun ada sekarang ini. Jadi soalan dia, adakah kajian yang dibuat sebagaimana yang sebut tadi dengan jawapan yang diberikan tadi. Allahuwa'alam.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Alur Limbat yang sangat prihatin kepada ICT. Saya pun merasa tumbesaran idea boleh diberi kepada saya untuk kita majukan sekolah dan anak itu adalah anak-anak kita. Tuan Yang Dipertua, apabila disebut perbandingan sekolah yang beberapa buah itu yang jadi ukuran kenapa pulak Sekolah Kebangsaan Paya Bunga menjadi yang terbaik. Untuk makluman sidang Dewan sekalian, Sekolah Kebangsaan Paya Bunga kalau kita dari segi latar belakang pelajarannya, dia bukan datang daripada keluarga-keluarga berpendapatan tinggi, dia datang daripada masyarakat yang dhaif di sekitar bandar ini sebenarnya. Suatu ketika sekolah itu hampir nak ditutup disebabkan oleh masalah kurang murid. Orang tak nak datang ke sekolah itu, mak-bapak takmboh hantar sebab sekolah *low class*. Kalau dulu anak orang pengayuh beca hantar anak-anak mereka ke situ, *hok dokrok skepeng* hantar ke situ, hak gagah pergi ke Sekolah Sultan Sulaiman 1, Sultan Sulaiman 2 atau di sebelah ini, hak ada *class* sikit, hak ayah dia pegawai kerajaan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT, nak satu jawapan aje mudah sikit. Ada buat kajian ke tidak? Saya pun nak tahu jugak.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Kita buat kajian yang kita jawab ni, kalau tak buat kajian nak jawab *guana*? Hah, itu dia bukan kita jawab baham rambang, inikan fakta. Jadi sebab itulah sekolah itu hampir nak ditutup tetapi inisiatif daripada Jabatan Pelajaran Negeri telahpun *mengupgradekan* sekolah tersebut melalui sistem tadi iaitu Sistem Kelas Maya menyebabkan ada peningkatan, kemajuan dari segi akademik dan saya tambah pula kesannya yang kedua dari segi disiplin. Kajian, inilah yang dikatakan kajian ni. Kajian secara terperinci telah dilaksanakan oleh pihak Sekolah Kebangsaan Paya Bunga

berhubung pencapaian disiplin dan sahsiah diri, hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa kehadiran purata murid di sekolah juga meningkat dari Kehadiran Purata Murid 70% setiap bulan kepada 95% pada tahun 2011. Sebelum itu hanya 70% tapi tahun 2011 setelah Kelas Maya diperkenalkan kehadiran murid ialah 95%, ini kajiannya. Ini menunjukkan semangat pelajar di sekolah itu mula tumbuh dengan segar di sekolah ini dan meningkatkan lagi tahap disiplin mereka. Pernah diajukan bahawa SK Paya Bunga telah dicadangkan untuk ditutup kerana bilangan murid semakin berkurangan dan pencapaian akademiknya sangat rendah sebelum ini kerana latar belakang keluarga sekolah ini adalah majoritinya dari kalangan keluarga yang susah, miskin dan dhaif. Itulah sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Dipertua Dewan sikit aje lagi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Tiga soalan dah tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Bukan nak tanya ni .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alur Limbat .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kelas Maya dengan e-Book itu sama ke?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alur Limbat duduk dulu, ya. Saya dah bagi banyak masa dan ruang kepada pihak pembangkang ni. Jadi saya rasa bukan apa, rasanya kita tak sempat nak habiskan untuk yang lain-lain. Jadi Yang Amat Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, saya ada Usul Di Bawah Fasal 30, Peraturan-peraturan Dewan .....

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): ..... Usul, Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Teruskan Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih, Yang Dipertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya rasa Wakil Teluk Pasu bangun dulu Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya nampak Jabi dulu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tepoh, Jabi ikut Peraturan Dewan, duduk dulu. Kita bagi satu saja. Saya nampak terus kepada Jabi tadi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya Mohd Iskandar bin Jaafar .....

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua, saya bangun dulu tadi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Teluk Pasu bangun dulu .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya tidak mahu menggunakan Peraturan 47, tolong duduk! Saya tidak mahu menggunakan Peraturan 47. Minta maaf, ya. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Tuan Yang Dipertua Dewan. Saya Mohd Iskandar bin Jaafar, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Jabi mencadangkan bahawa persidangan hari ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap

Dewan Undangan Negeri yang mulia ini bagi merundingkan isu berkaitan bahaya Ajaran Syiah yang terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar.

Tuan Yang Dipertua Dewan, isu ini adalah tertentu kerana melibatkan perkara pokok iaitu keutuhan akidah umat Islam khususnya di negeri Terengganu. Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai apabila umat Islam dikelirukan dengan Ajaran Syiah yang mula meresap masuk ke dalam masyarakat sehingga menular ke negeri Terengganu. Menurut Majlis Keselamatan Negara, kes penyebaran fahaman Syiah di Terengganu masih kecil dan masih belum ada gerakan dakwah yang bergerak secara aktif. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu hari ini mendedahkan penuliran fahaman Syiah di Terengganu bertumpu dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi dan golongan profesional. Kerajaan Negeri telah menganjurkan seminar-seminar dan program-program yang berkaitan di IPT-IPT seluruh negeri Terengganu bermula pada tahun yang lepas. Perbezaan paling ketara iaitu pengikut Syiah berkaitan dengan ajaran Syiah ini Tuan Yang Dipertua, mereka meletakkan Imam 12 sebagai maksum iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan dosa besar. Pengikut ajaran Syiah juga percaya sesiapa yang mengingkari salah seorang daripada Imam tersebut adalah kafir dan akan kekal dalam Neraka. Manakala contoh yang lain pula ialah Nikah Muta'ah mendapat kedudukan tinggi dan mulia dalam ajaran Syiah sedangkan perbuatan ini dengan kata lainnya adalah sejenis ataupun satu bentuk pelacuran yang menggunakan nama agama serta bersifat nafsu semata-mata yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Ajaran Syiah juga meletakkan kepercayaan Al-Quran ialah merupakan semata-mata naskah yang sudah diubahsuai oleh para Nabi termasuk Nabi Muhammad S.A.W. dan mendakwa kitab sebenar akan muncul bersama Imam Mahdi pada akhir zaman. Amat sukar untuk kita mengenal pasti pengikut-pengikut dan penganut ajaran Syiah ini memandangkan mereka ini mengamalkan Taqiyyah iaitu menyembunyikan akidah dengan berselindung dan bermuka-muka. Taqiyyah merupakan asas agama ataupun rukun kepada penganut ajaran Syiah yang mana pengikut Syiah yang tidak bertaqiyyah kononnya dianggap sama seperti meninggalkan solat.

Tuan Yang Dipertua, keterlibatan kedutaan-kedutaan ataupun unsur-unsur luar daripada negara-negara tertentu dalam penyebaran fahaman Syiah ini kian serius dalam perlu diberi perhatian. Golongan ini turut mendapat elaun khas dan mempunyai hubungan kukuh dengan kedutaan terbabit malah dilayan seperti orang kenamaan jika hadir ke dalam kedutaan dalam usaha mereka untuk menarik

perhatian orang ramai. Virus yang bahaya ini semakin mencengkam umat Islam malah sekumpulan penganut Syiah aliran Khomeini dan pengikut Setiausaha Agung Hisbullah, Nasran Nasrullah dikatakan berjaya menyelip masuk ke dalam parti-parti politik tempatan serta memegang jawatan-jawatan penting. Sudah menjadi suatu rahsia umum Tuan Yang Dipertua, ada dalam kalangan parti politik di negara kita ini yang ditunjangi dan dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang berfahaman Syiah. Dan lebih membahayakan lagi ada di antara mereka pula yang memenangi kerusi di dalam Pilihan Raya Umum yang lepas sama ada di peringkat Parlimen ataupun di peringkat Dewan Undangan Negeri dan ini akan memberikan lebih peluang kepada mereka untuk menyebarkan fahaman Syiah di kalangan pengikut-pengikut ekstrim parti politik tersebut.

Isu penyebaran fahaman Syiah harus ditangani secara berhati-hati dan mengenal pasti punca penyebaran ini berlaku. Kita tidak boleh memutuskan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang dikatakan menjana gerakan Syiah. Memutuskan hubungan diplomatik dengan negara yang tidak sehaluan dengan akidah adalah tidak rasional. Undang-undang sedia ada perlu diperkasakan agar individu bukan warga negara yang menyebarkan fahaman Syiah atau individu yang warga negara sendiri pun atau apa-apa sahaja pihak yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar mengikut fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dapat diambil tindakan. Bagi warga negara sedia ada di Malaysia, pihak berkuasa perlu mengambil sikap proaktif dan mengadakan pendekatan preantif dalam mengekang penularan ajaran Syiah bukan sekadar hanya menunggu aduan barulah diambil tindakan.

Tuan Yang Dipertua, kita juga bersetuju bahawa gerakan pencerahan dan pemutihan akidah secara strategik dan konsisten melalui agensi-agensi kerajaan, melalui institusi-institusi pendidikan dan juga badan-badan NGO serta parti-parti politik sendiri perlu dijalankan dengan pendidikan agama yang berkesan di peringkat sekolah. Kita harus menyuburkan usaha menyampaikan ilmu agama di masjid-masjid di institusi agama mendidik dan membimbing ummah dengan akidah yang benar dan yang bertepatan dengan sebagaimana ajaran Islam yang sebenar iaitu akhlak mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sebenar.

Dalam hal ini Tuan Yang Dipertua, saya memetik satu Firman Allah S.W.T. di dalam Al-Quran Surah Ali-Imran, ayat yang ketiga, (seterusnya membaca petikan ayat tersebut). Di negeri Terengganu Tuan Yang Dipertua, pihak berkuasa agama Islam

seperti MAIDAM dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri perlu memainkan peranan dengan menubuhkan Badan Penguatkuasaan bagi memastikan ajaran Syiah ini tidak terus merebak kerana amalan mencegah adalah lebih baik daripada merawat. Jika ajaran ini menular secara senyap dalam masyarakat maka ia akan menjadi barah dan satu penyakit yang kronik dan kritikal yang sudah tentunya bakal meruntuhkan ajaran Islam yang sebenar dan merosakkan aqidah umat Islam.

Tuan Yang Dipertua, maka saya beranggapan bahawa Usul ini melibatkan perkara tertentu dan kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Bentara, sila ambil cadangan tersebut. (Bentara mengambil Usul daripada Y.B. Wakil Jabi dan menyerahkannya kepada Yang Berhormat Yang Dipertua). Oleh kerana Usul ini agak panjang untuk saya teliti, jadi saya mohon, Insya Allah saya akan buat keputusan selepas rehat nanti.

Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita masuk semula pada pukul 11.20 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.57 PAGI.

PUKUL 11.20 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ada menerima satu cadangan untuk menangguhkan Dewan bagi membincangkan perkara-perkara yang mustahak bagi orang ramai berdasarkan Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dari Yang Berhormat Wakil Jabi. Setelah meneliti, setelah mengkaji secara terperinci, saya mendapati bahawa memang ada perkara-perkara tertentu, memang ada berkepentingan orang ramai. Namun begitu saya berpendapat dan mengambil keputusan bahawa ianya tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak cadangan tersebut.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita teruskan kepada Tertib Pekerjaan seterusnya. Sila Setiausaha.

**USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri  
Bagi Tahun 2013**

(Tambahannya Peruntukan Yang Pertama)

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin mohon mencadangkan:-

*“Bahawa menurut Seksyen Kecil (3) kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 2013 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini :-*

<b>JADUAL</b>		
<b>MAKSUD</b>	<b>TAJUK</b>	<b>TAMBAHAN (RM)</b>
<i>P. 02</i>	<i>Menteri Besar &amp; Setiausaha Kerajaan</i>	<i>80,000,000.00</i>
<b>JUMLAH</b>		<b>80,000,000.00</b>

Mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Batu Rakit mohon menyokong usul tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya adalah. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Saya juga menyokong sekiranya wujud keperluan untuk mengadakan atau mempersetujui apa saja tambahan dalam peruntukan asal untuk tujuan-tujuan tertentu yang memerlukan satu ketetapan di dalam Dewan Undangan Negeri sebagaimana amalan di mana-mana negeri dalam Persekutuan Malaysia terutamanya dalam kes pada hari ini adalah untuk ketetapan menggunakan atau memperuntukkan tambahan RM80 juta untuk tujuan yang dinamakan sebagai P.02 itu yang di bawah tajuk 'Pembangunan'. Oleh kerana saya tidak berpeluang untuk meneliti peruntukan asal yang telah dibahaskan pada tahun 2012 yang lalu maka saya mengambil peluang untuk sedikit membuat penelitian terhadap kepentingan meluluskan Belanjawan Tambahan ataupun Peruntukan Tambahan Yang Pertama Untuk Tahun Kewangan 2013 ini.

Tuan Yang Dipertua, pada pandangan saya mewakili Bandar dan juga mewakili anggota-anggota pembangkang di dalam DUN ini berpendapat bahawa jumlah yang diminta untuk tambahan ini berbanding dengan peruntukan asal sebanyak RM125 juta walau pun ia tidak merupakan satu jumlah yang terlalu besar tetapi dari segi peratusan ia adalah mewakili sebanyak 71% tambahan daripada jumlah yang asal, hampir peruntukan sekali ganda. Walau apa sahaja tujuan untuk peruntukan ini, saya berharap Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga membawa peringatan sebagaimana disebut di peringkat pusat iaitu Tahun Kewangan 2013 dan seterusnya 5 tahun akan datang disebut sebagai tempoh 'Belanjawan Prudent' dengan izin, iaitu untuk melihat bagaimana kerajaan negeri di dalam Malaysia ini bersama-sama membantu untuk melihat keupayaan Kerajaan Malaysia untuk mengekang perbelanjaan defisit. Sekiranya peruntukan yang kita luluskan pada hari ini sebanyak 71% tambahan daripada peruntukan asal, saya tidak melihat satu aliran *prudent* dalam perbelanjaan ini digambarkan oleh cara kita berbelanja di negeri Terengganu. Saya tidak merujuk kepada perkara spesifik atas tujuan ataupun matlamat peruntukan tetapi dari segi keputusan yang selaras dengan aspirasi kerajaan pusat pada pandangan saya tidak digambarkan dalam peruntukan yang kita bakal luluskan ini. Saya jugak berharap bahawa kita membawa iltizam bersama, baik di peringkat pentadbiran kerajaan dan juga pembangkang dan Dewan yang mulia ini harus kekal utuh kepada aspirasi untuk melihat kedudukan defisit yang semakin besar dan makin membawa kepada masalah dalam negara kita ini. Kita juga dalam Dewan yang mulia negeri Terengganu Darul Iman ini juga membawa aspirasi yang sama. Selebihnya saya tidak merasakan butiran projek 30926 ini satu perkara yang terlalu rumit, saya melihat ia lebih kepada ketidakupayaan untuk membuat anggaran yang tepat sekali gus saya tidak berhasrat untuk meneliti secara terperinci. Walau bagaimanapun, kita harus juga berusaha untuk membawa imej yang baik apatah lagi butiran projek 30926 ini diletakkan dengan jelas bahawa kepentingan atau urusan adalah untuk pembinaan

Istana Baru di Bukit Cendering. Jadi kita tidak mahu peruntukan ini dilihat ataupun diklasifikasikan sebagai peruntukan yang mempunyai elemen tidak *prudent*. Saya tidak tahu berapakah peruntukan asal kerana perbincangan berkenaan dengan urusan Belanjawan 2012 telahpun berlalu dan sekiranya peratusan pertambahan itu agak tinggi ini memberi gambaran elemen tidak *prudent* atau tidak cekap dalam perancangan yang telah kita buat. Dan kita jugak tidak mahu atau cuba mengelakkan daripada tohmahan mengatakan bahawa Dewan ini cuba untuk memberi satu atau mengadakan satu peruntukan tambahan yang tidak sepatutnya.

Saya berharap Ahli-ahli Dewan semua meneliti perkara ini termasuk jugak pegawai-pegawai kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk memikul amanah, melihat kedudukan kewangan negara kita terutamanya negeri kita ini dalam keadaan yang lebih *prudent* daripada yang sedang kita alami sekarang. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Kalau tak ada ..... Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini tentang Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan yang kita bentangkan di Dewan yang mulia pada pagi ini. Dan saya bersependapat dengan Yang Berhormat dari Bandar yang sama-sama ingin melihat bahawa setiap perbelanjaan yang kita laksanakan ini perlu dilihat sebagai suatu yang dengan izin, *prudent* dan juga ianya dapat memberikan jaminan yang terbaik dalam aspek-aspek pembangunan secara keseluruhannya di negeri Terengganu ini. Dan di Dewan yang mulia ini juga kita selalu berbahas dan juga meluluskan boleh dikatakan setiap tahun terutamanya di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang ada ini lebih daripada RM2 bilion hampir setiap tahun Bajet yang kita luluskan yang mana perlu dilihat secara keseluruhannya walaupun spesifik pada hari ini antaranya adalah dari segi tambahan yang diperuntukkan untuk pembinaan istana kita yang kita lihat suatu yang cukup penting untuk kesinambungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kita, Istana Baru di Bukit Cendering. Cuma kebimbangan saya dalam sehari dua ini bila terlalu banyak isu-isu yang membimbangkan kita sebagai ADUN-ADUN yang meluluskan peruntukan-peruntukan di Dewan ini, hari ini juga kalau kita lihat akhbar The Star, muka hadapan, suatu yang cukup-cukup memalukan kita rakyat Terengganu '*Shoddy State of Affairs*', di muka depan The Star yang dibaca oleh seluruh rakyat Malaysia yang menyenaraikan tentang pembangunan dan jugak kegagalan pembangunan projek-projek yang ada di Terengganu yang melibatkan keruntuhan-keruntuhan yang tidak sepatutnya berlaku sedangkan kita berbelanja dengan suatu perbelanjaan yang begitu besar. Kita sebagai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di

Dewan ini meluluskan peruntukan-peruntukan yang begitu besar sama ada projek stadiumnya, projek jambatannya, projek masjidnya. Hatta, kebimbangan kita ini juga tentang projek yang sedang berjalan iaitu pembinaan Istana Baru kita di Bukit Cendering, apakah jaminan bahawa Istana Baru ini tidak ada lagi dengan izin, '*Shoddy State Of Affairs*', setakat ini belum lagi ada rakyat Terengganu yang meninggal tapi kalau kita senaraikan projek-projek runtuh ini dah berpuluh-puluh projek-projek runtuh yang berlaku di negeri Terengganu hanya yang ada cedera sahaja setakat ini tapi saya ingin jaminan di Dewan ini .....

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, pada hari ini usul yang dibawa oleh Wakil Kuala Berang adalah berkenaan peruntukan tambahan RM80 juta .....

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi Wakil Batu Burok dia tak ambil peluang untuk .....

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Di bawah peraturan mana ni .....

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Dia bawa isu-isu yang tidak berkaitan dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tengku Putera. Saya rasa perkara ini patut dihentikan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat kita di Dewan yang mulia ini patuhlah kepada peraturan-peraturan perbahasan Fasal 46 dan sebagainya. Jadi kalau boleh sebab kita bahas isu yang khusus pada hari ini kalau kita nak kait antara 46 dan sebagainya kalau kita lihat itu, kita boleh kait mengait dan lama-lama ialah kita akan berdebat dengan satu perkara yang mewujudkan satu perkara yang lain, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, saya spesifik kepada peruntukan tambahan yang dibawa dalam Dewan ini dan kebimbangan saya ini adalah bertepatan dengan apa yang sedang berlaku. Takkanlah kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri nak berdiam diri dengan '*Front Page*' dengan izin, '*Shoddy State Of Affairs*'. Di mana kita nak letakkan maruah kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Exco, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita semua bertanggungjawab kerana kita yang meluluskan setiap peruntukan dan bajet yang ada di negeri Terengganu ini. Bila berlaku perkara sedemikian ini kita perlu mengambil tanggungjawab sepenuhnya.

Sebab itulah peruntukan RM80 juta untuk pembinaan Istana Baru Bukit Cendering ini perlu ada suatu kepastian yang sebenar-benarnya supaya tidak berlaku sedemikian. Siapa yang boleh memberikan jaminan yang sedemikian kalaulah berlakunya perkara-perkara yang sedemikian ini. Apa yang kita lihat bila kita buat laporan dalam pelbagai bentuk laporan kepada Polis, kepada SPRM setakat ini belum ada suatu tindakan yang positif yang diambil. Maka inilah saya mintak supaya tanggungjawab ini kita ambil dan pikul bersama kerana kita memikul amanah, duit rakyat yang begitu besar yang mana bila berlaku perkara-perkara yang sedemikian ini bukan sahaja Yang Amat Berhormat yang malu, kita jugak malu, seluruh rakyat Terengganu perlu merasa malu, aib yang begitu besar kalau muka depan yang sedemikian. Bayangkanlah berlaku '*Shoddy State Of Affairs*' kepada keruntuhan, kita mintak jauh dari Allah S.W.T., berlaku keruntuhan kepada Istana Baru di Bukit Cendering. Bayangkanlah di mana kita nak letakkan tanggungjawab dan tuntutan kita sebagai Wakil-wakil Rakyat yang meluluskan peruntukan-peruntukan yang besar ini. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, inilah yang saya ingin tekankan di Dewan yang mulia ini.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Celah, celah. Terima kasih Batu Burok. Tuan Yang Dipertua, saya bangun kerana pengalaman yang sama, tadi Wakil Batu Burok mengatakan belum pernah berlaku. Saya nak bawa satu peristiwa yang pernah dibangkitkan dalam Parlimen tiga tahun yang lalu berkenaan isu pembinaan Istana Negara yang telahpun ada insiden yang melibatkan kecederaan yang serius. Oleh kerana itu perkara ini dibahaskan dan disebut di peringkat Dewan Tertinggi di dalam negara kita. Jadi saya rasa isu berkenaan dengan peruntukan ini saya tidak rasa ada halangan atau bantahan tentang jumlah tetapi atas premis untuk mintak supaya perbelanjaan ini dicerminkan sebagai *prudent* dengan izin, isu ini adalah sangat bertepatan dan oleh kerana semalam insiden yang dibawa terakhir dalam paparan akhbar menyebut dengan jelas memaparkan 'Masjid Di Kawasan Di Bukit Tunggal Runtuh'. Oleh kerana gambaran imej itu adalah berkenaan dengan isu pentadbiran Majlis Agama Islam Dan Adat-Adat Melayu Negeri Terengganu sudah tentu dia memberi imej jugak berkaitan dengan kedudukan .....

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, kena perbetulkan fakta, bukan masjid yang runtuh, yang runtuhnya sebahagian daripada struktur. Kalau masjid runtuh macam kena gempa bumi itu, runtuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bandar dan Jabi, duduk dulu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kedudukan saya sekarang, saya mencelah saja.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Pendekkan saja.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu maksud saya, saya berhasrat untuk memberi gambaran bahawa perkara yang sama telah dibincang di peringkat tertinggi dan memang ada satu premis yang sangat mustahak yang dibawa oleh Batu Burok. Ini bukan perkara yang menyimpang atau membawa perkara atau usul yang tidak bersangkutan, memang sangat relevan, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Ada lain-lain lagi?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya belum habis lagi. Nak habis dah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tuan Yang Dipertua, inilah yang kita harapkan dalam suasana kebimbangan kita terhadap apa yang sedang berlaku di negeri Terengganu ini kalau kita *literally* dengan izin, kita terjemahkan '*Shoddy State Of Affairs*', '*shoddy*' ini *literally* dalam bahasa Melayu kita, dalam bahasa Malaysia kita adalah suatu yang ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Lima kali ulang dah ni. Lima kali ulang dah Y.B.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... suatu yang tidak lengkap dan tidak sempurna dalam pembinaan. Jadi inilah yang saya harapkan supaya kita melihat secara keseluruhan dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Bandar tadi, soal peruntukan kita tidak mempersoalkan langsung tetapi soal *transparency*, soal ketelusan, kebertanggungjawaban perlu ada kita sebagai Wakil-wakil Rakyat, Exco dan jugak Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita semua bertanggungjawab terhadap apa yang sedang berlaku '*Shoddy State Of Affairs*' dengan izin, yang sedang berlaku di negeri Terengganu ini dan di mana kita nak letakkan rasa malu kita dengan apa yang menjadi paparan muka hadapan akhbar sekarang ini. Saya sendiri merasa cukup-cukup tercabar, cukup-cukup malu sebagai rakyat dan warga Terengganu apatah lagi sebagai ADUN yang meluluskan sebahagian daripada peruntukan-peruntukan yang ada di sini. Maka itulah yang kita mintak supaya beri perhatian dengan izin, *no more crony contractors* yang diberikan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. saya rasa tarik baliklah .....

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Duduk, duduk dulu. Kita dalam Dewan ini saya rasa tuduhan sebegitu tidak patut kita lemparkanlah. Minta maaf, saya tidak menyebelahi mana-mana, jangan kita tuduh, menyakitkan hati sesama kitalah. Kita bai'ah, setia kawan, tuduhan kroni itu sudah dua kali saya dengar, mintak sama-sama kita jaga .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, saya sebut banyak kali sangat dah di Dewan ini, kalau bukan kronipun apa istilah yang kita nak sebutkan sebagai contohnya, LPT2 ada di kalangan Exco, ada di kalangan Wakil-wakil Rakyat yang menjadi, yang memegang saham syarikat .....

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, hari isu yang diketengahkan ialah berkenaan dengan peruntukan tambahan RM80 juta, dia tidak ada melibatkan pasal LPT dan sebagainya, dalam sesi soalan tadi ada pasal LPT dan kita dah jawab sebaik yang mungkin. Jadi saya rasa jangan kita sensasikan sebabnya berkenaan dengan Masjid Kampung Tebauk, Bukit Tunggal perkara itu akan diadakan siasatan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Bukit Tunggal): Ini *floor* saya, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa duduk dulu, saya mintak dua-dua Yang Berhormat yang saya muliakan, sila duduk. Kita pergi asal sebab masa agak suntuk sebab kita ada dua lagi yang perlu kita bawa, lagipun 5 minit dah Y.B., ya. Ada Yang Berhormat lain nak .....

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Berkenaan usul tersebut saya rasa adalah wajar berdasarkan dua hujah yang diberikan oleh Wakil Bandar .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah ni wakil kerajaan ke, wakil *backbenchers*, ke pembangkang, ke jawab dah tu, ke Menteri Besar dah?

YANG BERHORMAT WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, masa singkat, kita teruskan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, kita pergi kepada pihak kerajaan untuk menggulung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Dipertua, cadang pihak kerajaan untuk menggulung.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, sila pihak kerajaan untuk menggulung.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Setelah kita mendengar perbincangan daripada dua wakil, daripada Batu Burok dan juga daripada Bandar, jelas kelihatan bahawa kedua-dua wakil itu bersetuju kerana penambahan ini juga adalah pertama, untuk pastikan bahawa binaan istana tersebut tidak akan mengalami proses sedemikian rupa. Justeru itu penambahan ini sekali gus adalah wajar kerana peningkatan bahan atau kualiti yang akan kita jadikan asas supaya lambang kebesaran sistem pemerintahan kita perlu kukuh dan berdaulat. Oleh itu, saya mencadangkan usul ini diterima dengan sebulat suara.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya ada soalan kepada yang menggulung.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang dah gulung. Tadi saya dah mintak ada lagi tak Y.B.-Y.B. ....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh? Boleh, ya. Sikit aje.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Cukuplah tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Cukup, cukuplah tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini untuk kepentingan ramai ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dahlah, saya rasa Y.B. duduk. Ini masa penggulungan dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab masa dia gulung, beri penerangan ada perkara yang saya nak mintak penjelasan untuk mewakili semua orang. Saya rasa soal persetujuan, semua bersetuju. Okey, saya nak ....

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Bandar): Sudah mencukupi, saya mohon Ahli Dewan buat undian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey duduk. Y.B. duduk, Y.B. Bandar duduk dulu. Saya dah bagi ruang yang panjang tadi hampir 20 minit kepada kedua-dua orang Y.B. tadi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Soalan pendek saja.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa kita tak benarkanlah. Kita tetap kepada keputusan untuk tidak membenarkan. Kita nak buat pengundian dah. Dah ada perbincangan daripada pihak pembangkang, dah ada penggulungan daripada pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya rasa tak payah undi semua orang bersetuju.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah kita undilah, itu peraturan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, prosedur mesti dipatuhi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Duduk, duduk, dua-dua Yang Berhormat duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sepatutnya bagi ruang untuk kita bertanya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Duduk, Yang Berhormat duduk. Terima kasih.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui diterima dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2013**

#### Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

#### Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2013 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2013.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Cadangan Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua dan sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Ada sesiapa Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Dipersilakan. Sila Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, terima kasih dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah mengemukakan satu rang undang-undang untuk meminta supaya Dewan meluluskan tambahan sebanyak RM100 juta untuk tujuan tertentu yang dinyatakan pada awal tadi.

Saya mohon menyatakan bahawa perkara pertama adalah bertujuan untuk mengadakan satu Tambahan Perbelanjaan Bekalan Pertama untuk tahun 2013. Saya jugak berhasrat untuk mendapat penjelasan awal sama ada pihak pentadbiran kewangan Kerajaan Negeri Terengganu mempunyai hasrat untuk mengemukakan kertas enakmen kedua untuk Rang Undang-Undang Tambahan sebelum daripada mengemukakan cadangan atau Rang Undang-Undang Belanjawan 2014 yang akan datang yang saya faham hanya beberapa bulan daripada sekarang. Perkara ini mustahak kerana saya faham amalan di bawah Acara Kewangan di peringkat pusat membuat perancangan sama ada perlu untuk suatu tempoh tahun kewangan tersebut atau tertentu mempunyai perancangan untuk menyatakan terlebih awal iaitu dalam jangka masa satu *quarter* dengan izin, untuk tahun kewangan tertentu untuk menyatakan sama ada anggaran ataupun cadangan untuk masa akan datang untuk mengadakan perbelanjaan tambahan. Jadi untuk hari ini pada fahaman saya juga sekali gus untuk bertanya kepada pentadbiran kewangan negeri Terengganu bahawa cadangan yang dibawa pada

hari ini ialah untuk meminta kelulusan tambahan sebanyak RM100 juta iaitu RM50 juta diperuntukkan untuk pemberian kepada Bantuan Pengusaha Tempatan ataupun Badan-badan Berkanun dan RM50 juta lagi adalah peruntukan kepada Pemberian Pelbagai Jabatan. Untuk perkara pertama di bawah 000170 ini, saya nak bertanya, kita dibekalkan Laporan Kewangan dan juga Laporan Aktiviti kesemua Penguasa Tempatan yang ada. Saya tidak nampak satu laporan yang dikemukakan oleh pihak Bandaraya Kuala Terengganu dalam laporan ini yang sepatutnya menjadi amalan di negeri-negeri persekutuan di dalam Malaysia, negeri-negeri lain selain daripada hari ini, contohnya, mengemukakan Penguasa Tempatan ibu negara atau ibu negeri terlebih dahulu sebagai contoh untuk diikuti oleh Penguasa-penguasa Tempatan ataupun dalam kedudukan ini pentadbiran-pentadbiran daerah yang lain. Saya rasa semua Ahli Dewan dibekalkan kepada kita laporan tersebut tapi tidak ada bersama dengan kita Laporan Kewangan ataupun Laporan Pengurusan Kewangan oleh pihak Bandaraya Kuala Terengganu yang sepatutnya menjadi tonggak kepada pengurusan Majlis Tempatan di sesebuah negeri. Dan saya mintak penjelasan sedikit, adakah benar bahawa antara kedudukan perkara Perbelanjaan Maksud Kecil - 42000, pecahan yang dikatakan Bantuan Kepada Penguasa Tempatan atau Badan-badan Berkanun dan juga Pemberian kepada Pelbagai Jabatan ini diverifikasikan mengikut keperluan. Sebagai contoh, untuk pecahan RM50 juta pertama, dia melibatkan kenaikan dalam 20%, RM250 juta ditambah RM50 juta, jadi melibatkan kenaikan sebanyak 20%. Untuk pemberian kepada Pelbagai Jabatan daripada RM102 juta sekarang ditambah RM50 juta, dia melibatkan hampir 50% kenaikan. Jadi Pemberian kepada Pelbagai Jabatan, Tuan Yang Dipertua, dia melibatkan satu perbelanjaan unjuran dan ini memang dinyatakan secara terperinci di bawah Akta Acara Kewangan yang dipikul tanggungjawab dia termasuk oleh kerajaan negeri. Jadi sekiranya belanjawan pertama, anggaran tambahan melibatkan 50% tambahan, ini langsung tidak menggambarkan *prudent* yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain, saya rasa pihak kerajaan jugak bersetuju dengan saya. Saya tidak ada niat untuk mengkritik, jauh sekali untuk menghina di sini sebab saya rasa tugas Ahli-ahli Dewan di sini adalah untuk memberi sumbangan. Jadi antara sumbangan kecil hari ini, Insya Allah yang saya berhasrat untuk sumbangkan ialah melihat ketidak selarian kita dengan satu akta yang memberi kuasa pengurusan kewangan, baik di peringkat pusat atau peringkat negeri supaya dijalankan dengan lebih baik ataupun selebih baik. Apatah lagi kedudukan defisit, saya tidak berhasrat untuk mintak Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk dilibatkan dalam perkara ini tapi soal kedudukan defisit kewangan di negeri Terengganu ini memang tidak boleh

disangkal lagi. Kita sudahpun masuk tahun ke-14. 14 ke Yang Amat Berhormat Menteri Besar? Lebih kurangkan? Tahun ke-14, sama juga insiden hak roboh itu kali ke-14 rupanya. Saya tidak tahu, surat khabar Sinar yang sebutkan. Dia letak kronologi itu 'Kali Ke-14', dia kata.

Saya minta maaf, rakan-rakan yang mewakili kerajaan, saya berdiri pada hari ini sebenarnya tidak mewakili parti dan tidak mewakili pembangkang, saya lebih mewakili rakyat yang ramai yang berhasrat untuk melihat adanya satu pemulihan dalam struktur perbelanjaan kewangan ataupun paten kewangan di negeri Terengganu. Oleh kerana isu yang kita bawa pada hari ini di bawah P.04 ini secara langsung spesifik merujuk kepada kakitangan kerajaan yang mengangkat sumpah diberi tanggungjawab, memikul tanggungjawab untuk menguruskan kewangan negeri Terengganu dengan baik. Jadi tepat, saya tidak menyentuh tentang isu yang lain yang tidak berkaitan dengan itu. Yang hadir dalam Dewan semua mewakili kedudukan tertinggi dalam kedudukan jabatan-jabatan kerajaan. Saya percaya semua yang ada dalam Dewan di belakang, di sebelah kiri dan juga di depan, semuanya mewakili kedudukan tertinggi dalam jabatan-jabatan kerajaan di negeri Terengganu. Dan perkara yang kita bincang ini adalah berkenaan dengan kita semua. Dia sangat relevan, saya bersetuju .....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bandar ada 3 minit lagi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, selain daripada 20% tambahan untuk Penguasa Tempatan, 51% untuk Pelbagai Jabatan dan sebagainya. Saya nak bertanya sampai bulan berapakah ataupun sampai suku ke berapakah segala perbelanjaan yang diperuntukkan awal itu telah dihabiskan? Yang ini saya percaya jabatan kerajaan punya statistik dan punya jawapan yang sangat tepat. Sebagai contoh Tuan Yang Dipertua, RM102 juta untuk Pelbagai Jabatan dan RM250 juta untuk Penguasa Tempatan iaitu Pejabat-pejabat Daerah dan sebagainya. Saya nak tahu jawapan dalam Dewan ini, sehingga bulan berapakah perbelanjaan ini telahpun dihabiskan menyebabkan kita terpaksa untuk mintak peruntukan lain. Dan perkara terakhir oleh kerana Tuan Yang Dipertua tidak benarkan saya meneliti perkara ini tapi terima kasih setakat yang diberi inilah. Saya nak tahu, Insya Allah, tolong beritahu angka RM50 juta yang diberi separuh-separuh ini, RM50 juta kepada satu pihak dan RM50 juta kepada satu pihak yang lain, adakah berlandaskan daripada keperluan segera ataupun ada *overlapping expenditure*? Sebab saya percaya bulan 11 akan datang kita akan mengemukakan

garis panduan baru pada belanjawan akan datang. Sudah tentu kita memerlukan jabatan-jabatan kerajaan dan juga agensi-agensi mewakili kerajaan mengemukakan anggaran masing-masing, saya mintak dan saya merayulah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau boleh saya jugak atau semua Wakil-wakil Rakyat ingin memberi sumbangan. Kalau boleh kita buat satu peraturan bahawa untuk Belanjawan Tambahan kita wajibkan semua agensi yang terlibat yang berhasrat untuk membuat/memohon Belanjawan Tambahan mengemukakan anggaran sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum keperluan Anggaran Belanjawan tersebut. Ini akan dicerminkan oleh jumlah, sebagai contoh .....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi Bandar?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 1 minit. RM50 juta untuk pemberian kepada Pelbagai Jabatan. Kalau ada satu anggaran yang tepat, angkanya tak mungkin jadi RM50 juta, barangkali jadi RM49,839,000 dan beberapa puluh sen. Ini keperluan yang tepat. Kita tidak memberi peruntukan untuk menggambarkan kita *lavish* dengan izin, atau kita tidak *prudent* dalam perbelanjaan. Ini selaras dengan teguran Ketua Audit Negara dan juga arahan daripada Ketua Eksekutif Tertinggi dalam negara iaitu Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Jadi baik kita sama-sama fikir macam mana untuk membaiki imej perancangan kewangan negeri Terengganu sekali gus memberi satu moral yang tinggi kepada Menteri Besar. Menteri Besar boleh kekal lama sebagai Menteri Besar, barangkali. Tapi kalau masing-masing tidak membantu memberikan imej yang agak meragukan, anggaran yang dimintak secara *bulk*, RM50 juta, RM100 juta, RM80 juta, RM90 juta. Ini langsung tidak menggambarkan .....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bandar, 90 saat dah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Ini tidak menggambarkan aspirasi sebenar bukan sahaja dimintak oleh pemimpin di peringkat pusat dan juga rakyat teramai. Terima kasih banyak. Saya berhenti sebelum 42 saat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada Yang Berhormat lain yang nak berucap? Kalau tak ada, saya nak bagi kepada pihak kerajaan untuk buat penggulungan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Peruntukan tambahan yang diperlukan sebanyak RM100 juta ini adalah bagi memenuhi pembayaran-pembayaran yang sepatutnya diperjelaskan oleh pihak Penguasa Tempatan termasuk projek-projek pelaksanaan dan sebagainya yang telah komited. Kerana kita lihat bahawa setiap tahun memanglah menjadi amalan kita dan juga strategi bajet supaya kita ada peruntukan tambahan tertentu dalam tempoh tertentu. Ini merupakan perkara biasa berlaku sepanjang tahun di mana-mana kerajaan termasuk kerajaan pusat sendiri pun ada tambahan peruntukan yang dikeluarkan. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Kita telahpun selesai membahaskan Rang Enakmen Perbekalan Tambahan .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah gulung dah. Duduk Bandar, saya dah bagi panjang tadi. Sekarang saya buka kepada undian:

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat sekarang menjadi Dalam Jawatankuasa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, di peringkat Jawatankuasa, saya difahamkan aturannya kita buka kepada perbahasan dan ada jawapan daripada pihak kerajaan. Adakah Tuan Yang Dipertua rasa .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita dah mintak pengundian dah. Bandar, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, ini Sidang DUN yang bersidang, tak payah bawa aspirasi lain. Kita ikut peraturanlah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Duduk Bandar, duduk. Kita dah masuk pengundian dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita pun ada peraturan mesyuarat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Duduk Bandar. Terima kasih, Bandar.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon

mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan 2013**.

## **ENAKMEN RUMAH TUMPANGAN (NEGERI TERENGGANU) 2013**

### Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan rumah tumpangan bagi negeri Terengganu Darul Iman dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MENGAJAKAN PERUNTUKAN BAGI  
PELESENAN DAN PENGAWALAN RUMAH TUMPANGAN  
BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN DAN BAGI  
PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA,  
DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

### Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan rumah tumpangan bagi negeri Terengganu Darul Iman dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk membuat peruntukan yang baru dan lebih komprehensif bagi pelesenan dan pengawalseliaan rumah tumpangan di negeri Terengganu.

### **Bahagian I**

2. Bahagian I mengandungi peruntukan tentang permulaan kuat kuasa dan tafsiran.

### **Bahagian II**

3. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pelantikan Pegawai Pelesen dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri.

4. *Fasal 3 dan 4* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik Pegawai Pelesen dan memberi arahan am kepada Pegawai Pelesen.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk membolehkan Pegawai Pelesen memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai am, dll., untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan.

### **Bahagian III**

6. Bahagian III mengandungi perkara-perkara yang berhubungan dengan pelesenan rumah tumpangan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk melarang mana-mana orang mengendalikan atau menguruskan rumah tumpangan tanpa lesen yang sah.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memperuntukkan tatacara permohonan untuk mendapatkan lesen rumah tumpangan.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk mengenakan apa-apa syarat dan sekatan dalam lesen yang dikeluarkan oleh pegawai tersebut.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk menghendaki pemohon mengemukakan kepadanya apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang

dikehendaknya bagi maksud memutuskan sama ada atau tidak lesen patut diberikan.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk menetapkan tempoh sesuatu lesen dan memberi kuasa budi bicara kepada Pegawai Pelesen sama ada untuk membaharui atau tidak membaharui lesen.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk membolehkan lesen yang diberikan di bawah Enakmen yang dicadangkan ini dikeluarkan bersama-sama dengan mana-mana lesen lain yang dikeluarkan di bawah undang-undang bertulis yang lain.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk membolehkan lesen sementara dikeluarkan sementara menunggu kelulusan sesuatu lesen oleh Pegawai Pelesen.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk menghendaki supaya lesen dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di rumah tumpangan pada setiap masa.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk menghendaki pemegang lesen supaya membuat deposit bagi pematuhan syarat dan sekatan lesen.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk melarang pemindahan milik lesen kepada mana-mana orang lain kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pegawai Pelesen.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk menggantung atau membatalkan lesen.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk membenarkan orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan atau tindakan Pegawai Pelesen membuat rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

#### **Bahagian IV**

19. Bahagian IV mengandungi peruntukan tentang keperluan am rumah tumpangan.
20. *Fasal 18* bertujuan untuk menghendaki pemegang lesen menyimpan suatu daftaran tetamu yang menginap di rumah tumpangan.
21. *Fasal 19* bertujuan untuk menghendaki pemegang lesen menyelenggara suatu daftaran kehilangan harta benda mengenai harta benda yang ditinggalkan oleh tetamu di rumah tumpangan.
22. *Fasal 20* bertujuan untuk menghendaki pemegang lesen melaporkan apa-apa penyakit berjangkit yang dihidapi oleh tetamunya.
23. *Fasal 21* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pengawalan kebersihan dan struktur rumah tumpangan.
24. *Fasal 22* bertujuan untuk menghendaki pemegang lesen mengambil pekerja di rumah tumpangan menurut kehendak Akta Pekerja 1955 [Akta 265].
25. *Fasal 23* bertujuan untuk menghendaki pemegang lesen mengambil langkah-langkah pencegahan kebakaran di rumah tumpangan.
26. *Fasal 24* bertujuan untuk melarang pemegang lesen membuat atau menyebabkan kacau ganggu.
27. *Fasal 25* bertujuan untuk menghendaki pemunya atau pengurus rumah tumpangan melaporkan apa-apa kematian, dll., yang berlaku di rumah tumpangan.

#### **Bahagian V**

28. Bahagian V mengandungi peruntukan tentang penguatkuasaan.

29. *Fasal 26* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa untuk masuk kepada Pegawai Pelesen, orang yang diberi kuasa dan Pegawai Polis yang tidak rendah daripada pangkat Inspektor.
30. *Fasal 27* bertujuan untuk membolehkan Pegawai Pelesen, dll., untuk mendapatkan waran penggeledahan terhadap rumah tumpangan daripada Majistret.
31. *Fasal 28* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen, dll., untuk menggeledah tanpa waran dalam hal keadaan tertentu.
32. *Fasal 29* bertujuan untuk memastikan seseorang perempuan hanya akan diperiksa oleh Pegawai Pelesen wanita atau pegawai wanita lain.
33. *Fasal 30* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk menutup rumah tumpangan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran syarat atau sekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan enakmen yang dicadangkan ini.
34. *Fasal 31* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen, dll., untuk memperolehi butir-butir mana-mana orang yang dipercayai telah melakukan atau mempunyai apa-apa kaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen yang dicadangkan ini.
35. *Fasal 32* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen, dll., untuk memeriksa mana-mana orang yang dijangka tahu tentang fakta dan hal keadaan kes itu.
36. *Fasal 33* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen, dll., untuk menangkap mana-mana orang yang disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Enakmen yang dicadangkan ini dan yang enggan untuk memberikan butir-butir dirinya.
37. *Fasal 34* bertujuan untuk menghendaki seseorang pegawai yang membuat penyitaan semasa menjalankan penyiasatan menyediakan senarai barang yang disita.

38. *Fasal 35 dan 36* bertujuan untuk menyatakan tatacara dan tindakan berkaitan dengan barang atau benda yang telah disita dan dilucuthak di bawah Enakmen yang dicadangkan ini.

39. *Fasal 37* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan terhadap mana-mana orang yang menghalang Pegawai Pelesen, dll., semasa mereka menjalankan tugas di bawah Enakmen yang dicadangkan ini.

## **Bahagian VI**

40. Bahagian VI mengandungi peruntukan tentang perkara pelbagai.

41. *Fasal 38* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan yang boleh dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

42. *Fasal 39* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen atau mana-mana pegawai diberi kuasa untuk mengkompaun kesalahan.

43. *Fasal 40* bertujuan untuk menghendaki Pegawai Pelesen memasukkan wang yang dikutip, diterima dan deposit yang dilucuthakkan di bawah Enakmen yang dicadangkan ini ke dalam kumpulan wang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

44. *Fasal 41* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa pendakwaan hanya boleh dimulakan dengan keizinan Pendakwa Raya.

45. *Fasal 42* bertujuan untuk mengekalkan kuasa Pegawai Polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*N.M.B. Bab 6*].

46. *Fasal 43* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Pertama.

47. *Fasal 44* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan.

48. *Fasal 45* bertujuan untuk memansuhkan Enakmen Rumah Tumpangan [Chapter 42] dan mengadakan peruntukan bagi penerusan kaedah-kaedah, dsb., yang dibuat, dikeluarkan atau diberikan di bawah Enakmen yang dimansuhkan.

### **Implikasi Kewangan**

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua dan sekarang ini saya buka untuk perbincangan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Sila. Kalau tidak ada, saya akan teruskan kepada undian.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABD. KARIM (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua. Berhubung dengan Rang Undang-Undang Enakmen Rumah Tumpangan yang dibentangkan sebentar tadi oleh Dato' Seri Menteri Besar. Pada kita usaha untuk memelihara dan juga memartabatkan melalui enakmen yang telah dibentangkan ini kita rasa kita boleh menerima cuma beberapa persoalan yang kita perlu memberikan perhatian khusus kepada pengusaha-pengusaha homestay yang berada di seluruh negeri kita yang kita melihat sebahagian besar daripada kalangan penduduk negeri Terengganu menjadikan homestay adalah sebagai pendapatan tambahan yang diusahakan oleh mereka. Dengan enakmen yang dikira agak ketat yang telah diperkenalkan ini dengan lesen dan tatacara pelaksanaan yang bakal diperkenalkan kepada pengusaha-pengusaha kita melihat ia akan melakukan satu renjatan terhadap pencapaian usaha pelancongan di negeri Terengganu. Daripada sudut untuk berada di hotel, kita melihat ramai yang membuat pemilihan kepada homestay berasaskan kepada kemudahan-kemudahan yang banyak. Daripada sudut keselamatan kita bersetuju dengan enakmen-

enakmen yang telah dibentangkan sama ada kecemasan, kebakaran dan juga keselamatan yang telah dinyatakan bagi pihak Keselamatan Negeri. Oleh kerana itu saya melihat hanya daripada sudut penduduk ataupun pengusaha yang menganggap ini adalah merupakan satu punca pendapatan tambahan dan saya pohon selain daripada enakmen ini Jawatankuasa Pelancongan perlu memberikan perhatian berhubung dengan pencapaian pengusaha-pengusaha kita. Secara keseluruhan saya melihat enakmen ini tidak akan dibangkang oleh kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada sesiapa lagi Yang Berhormat yang ingin berucap? Kalau tidak kita pergi kepada penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya juga bersetuju dengan ADUN Tepoh yang mencerminkan enakmen yang dibentangkan ini adalah satu usaha pengawalan daripada pihak kerajaan dan kita menyedari dan satu perkara yang tidak dapat dinafikan bahawa pengusaha-pengusaha kecil rumah-rumah tumpangan ini adalah mereka yang boleh dikategorikan berpendapatan rendah. Dan lebih bersetuju dengan apa pendapatan yang mereka perolehi adalah pendapatan tambahan yang merupakan suatu perkara yang penyumbang ekonomi kepada negeri kita. Oleh kerana itu kami juga berharap pihak kerajaan perlu mengambil kira bagi melantik Pegawai Pelesenan supaya tidak diswastakan dan jika sekiranya perkara ini diswastakan kita bimbang ia menjadi satu tempat untuk diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang tertentu tetapi jika sekiranya diletakkan di bawah badan khusus, di bawah Badan Berkanun yang sedia ada, kita mengharapkan ia tidak menjadi suatu perkara yang dapat diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang tertentu. Kita kadang-kadang nampak kerajaan seolah-olah nak ambil cukai bila berdaftar ni, dia ada daftar keluar masuk yang sebelum ini tidak ada, apabila ada kemungkinan itu yang kita bimbang dan ini adalah suatu penindasan kepada kebajikan masyarakat dan seluruh penduduk negeri Terengganu yang rata-rata pengusaha rumah-rumah tumpangan ini sebagaimana yang kita perkatakan tadi. Saya mengharapkan enakmen ini hendaklah diperhalusi sebelum ia dijadikan enakmen oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Kita bagi peluang kepada pihak kerajaan untuk buat penggulungan. Dipersilakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan memandang serius mengenai pewujudan rumah-rumah tumpangan sejak akhir-akhir ini dan ianya adalah bagi menggantikan enakmen yang lapuk yang mana dulu dipanggil '*The Boarding House Enactment*', *Gazette Notification No.97, September 2<sup>nd</sup> 1948*, dengan izin Yang Dipertua. Tahun 1948 dan sekarang ini 2013, hampir 70 tahun enakmen tidak dipinda dan ini terpaksa dilakukan demi memberi keselesaan, keselamatan dan keupayaan kepada pengusaha dan juga kepada penginap. Dan kita lihat dalam *The Boarding House Rules* ini, terlalu banyak kelemahan-kelemahannya dan perlulah ianya diperbetulkan perkara ini dengan perkembangan semasa. Dan apatah lagi di Terengganu didapati terlalu banyak pelanggaran syarat yang dilakukan oleh pengusaha-pengusaha yang menamakan rumah mereka sebagai *homestay* sedangkan ia menyalahi peraturan. *Homestay* bermakna penginap itu mereka datang dan menginap bersama dengan tuan rumah, dia sewa bilik. Kalau tuan rumah makan ubi rebus, dia makan ubi rebus. Tapi apa yang dilakukan di Terengganu hari ini ialah *Guest House* (Rumah Tumpangan) yang mana tuan rumah tidak menginap bersama di rumah berkenaan dan ini telah melanggar peraturan dan telah ditegur oleh kementerian. Dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mereka yang mengusahakan *homestay* ini perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelancongan. *Homestay* ertinya rumah tumpangan yang berdaftar dengan Program Homestay Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia. Bukan sewenang-wenangnya kita buat rumah, beri sewa ke orang, kita tulis '*Homestay*'. Dan begitu juga dengan '*Kampungstay*', ertinya rumah tumpangan di kawasan perkampungan atau di rumah-rumah tradisional atau '*Townstay*', ertinya rumah-rumah tumpangan di kawasan bandar seperti rumah teres atau rumah kediaman. Bagi keselesaan dan juga keselamatan bukan sahaja kepada penginap dan juga tuan rumah, mereka perlu mendaftarkan setiap orang yang menginap di rumah tersebut. Apa kata kalau dia tidak menginap di situ, tidak daftar semua sekali akhirnya dia pecah rumah, dia curi barang-barang dalam rumah itu yang rugi tuan punya rumah. Begitu juga kalau tidak didaftarkan dan berlaku pembunuhan, kematian dan sebagainya, kita tidak tahu siapa yang menginap. Ini akan menyulitkan keadaan. Sebab itu kita buat enakmen ini untuk memberi kemudahan kepada semua pihak bukan sekadar untuk kutip cukai semata-mata, sudah tentu ianya akan dilaksanakan tetapi tidaklah sebesar mana kenaannya. Kita sekarang berada di alaf baru, kehidupan kita semakin baik, fikiran kita semakin meningkat, kehidupan kita semakin meningkat jadi kita adakan peraturan, undang-undang. Undang-undang diwujudkan bukan untuk

menyusahkan. Kita perlu faham, semua undang-undang adalah untuk kesejahteraan orang ramai untuk kebaikan kita bersama. Justeru itu kita perlu memperkenalkan enakmen ini dan enakmen ini diselaraskan di peringkat negeri-negeri yang lain. Setelah beberapa tahun kita mengkaji, menilai, mengadakan diskusi, perbincangan supaya rang enakmen ini dikaji dan dibuat pembaharuan semula berdasarkan pada apa yang ada iaitu pada *September 2<sup>nd</sup>, 1948*.

Dengan ini Yang Dipertua, kita percaya bahawa dengan adanya enakmen ini, kerajaan dapat mengawalselia semua rumah tumpangan yang ada di seluruh negeri Terengganu dan dapat memberi perkhidmatan yang terbaik bukan sahaja kepada rakyat, kepada para pelancong dan sebagainya, dengan peraturan-peraturan sedia ada tetapi juga dapat meningkatkan pulangan kepada pengusahanya dengan keadaan kawalan dan sebagainya. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, kita telah selesai penggulungan kepada enakmen yang telah dibentangkan tadi. Sekarang saya buka kepada undian -

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PELESENAN DAN PENGAWALAN RUMAH TUMPANGAN BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN DAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Dalam Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PELESENAN DAN PENGAWALAN RUMAH TUMPANGAN BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN DAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PELESENAN DAN PENGAWALAN RUMAH TUMPANGAN BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN DAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Rumah Tumpangan (Negeri Terengganu) 2013**.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, peraturan mesyuarat sebagaimana pagi tadi saya telah membangkitkan tentang peraturan mesyuarat Fasal 17, 18 (1), (2), (3) sehingga (20). Saya tak perlu baca isi kandungannya yang mana dia merujuk kepada Tuan Yang Dipertua kata akan buat semakan dan saya rasa tak ada lagi kertas aturan ini untuk agenda yang lain. Saya bimbang takut Yang Dipertua, terlupa. Saya faham Tuan Yang Dipertua letih tadi duk ulang fasal-fasal tadi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa tak letih lagi, Insya Allah. Angkat tangan lagi letih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi saya nak tanya apakah Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya akan buat *ruling* nanti Insya Allah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): .... nak buat pembetulan oleh kerana kertas ini ditandatangani oleh Tuan Yang Dipertua pada 20 Jun 2013 yang mana isi kandungannya direkod dan sepatutnya dirakam dan akhirnya dalam bentuk hansard. Saya nak bertanya sekali lagi, apakah Tuan Yang Dipertua membuat keputusan untuk mengemukakan peringatan mesyuarat yang lain kerana pada pandangan saya, semakan saya, ada kesilapan kerana saya tidak dimasukkan dalam salah seorang ADUN yang memberi pandangan dan berbahas tentang Usul Merafak Sembah. Saya nak tanya keputusan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih, Bandar.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya jawab satu, satulah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Termasuk hak tadilah, sambungan di muka surat 11, Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong. Terima kasih banyak-banyak. Mengikut Peraturan 18 tidaklah menjadi suatu mandatori atau wajib salinan minit-minit atau prosiding Dewan diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan, kalau kita baca betul-betul tidak lewat dari 7 hari sebelum Dewan bersidang. Dia menyebut Aturan 18(1), saya menyebut bahasa orang Putihlah sikit: "*shall if possible* (jika boleh) ..." di mana ini bukan mandatori itu kefahaman Yang Dipertua Dewan. Namun begitu kita melihat bahawa mengenai kesilapan yang dinyatakan oleh Y.B. tadi, Aturan 20 membenarkan Y.B. menyemak salinan minit itu dengan rekod-rekod minit yang ada disimpan di Dewan. Jadi kita akan menyemak dan mendapati jika benar kesilapan berlaku maka pembetulan akan dibuat dan minit mesyuarat yang dibetulkan itu akan diedarkan semula kepada semua Yang Berhormat. Tidak menjadi halangan sekiranya Yang Berhormat sendiri untuk bersama-sama untuk melihat rekod atau rakaman .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi adakah Tuan Yang Dipertua, mengakui bahawa telah terdapat kesilapan ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita akan menyemak sebab tidaklah menjadi adil kepada pihak Dewan yang agak singkat pada hari ini untuk menyemak kerana dokumen-dokumen itu disimpan dalam pentadbiran Dewan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Muka surat 8, Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Biar saya habiskan dulu. Jika terdapat keperluan atau peruntukan di dalam *Standing Order* yang mewajibkan atau

pembetulan ini boleh dibuat oleh Dewan adalah juga tidak adil bagi Dewan untuk membuat pembetulan kepada minit-minit itu kerana perlu disemak dengan minit asal dan kita akan keluarkan hansard dan sebagainya supaya lebih detail. Ini sebagai *rulinglah*. Perkara-perkara yang dinyatakan tepat itu akan diambil maklum. Semakan dengan rekod asal akan diperbuat dan kita akan menyemak dengan rekod-rekod asal dan jika terdapat kesilapan pembetulan akan dibuat. Jadi usul Y.B. untuk Dewan membuat pembetulan kita tolak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kedudukan saya sebagai ADUN Bandar dan saya bangkitkan perkara ini Fasal 18 dan seterusnya ini kerana kedudukan saya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita akan semak, Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi pada saya jelas, dalam ini, dalam minit ini nama saya tidak tercatat di sini. Sedangkan saya sudah tentu saya tahu apa yang telah saya lalui dalam sesi yang lalu. Jadi saya mintak Tuan Yang Dipertua buat *ruling* dan serius dalam perkara ini. Kalau Tuan Yang Dipertua kata nak semak, saya rasa tak perlu semak cuma memberitahu akan ada pembetulan, sesi ini kita tamatkan dengan mengakui bahawa nama saya tidak dimasukkan. Saya membangkitkan kerana Tuan Yang Dipertua menandatangani dan mengesahkan perkara ini pada 20 Jun. Ini adalah kertas *statute* jugak yang Tuan Yang Dipertua semak dan memberi pengesahan. Seolah-olah Tuan Yang Dipertua menafikan yang saya membuat ucapan dalam Dewan ini. Itulah natijah daripada kertas *statute* yang diedarkan kepada semua Ahli Dewan. Dan kalau kita tidak mahu ikut peraturan mesyuarat yang kita semua junjung, ini adalah kitab yang tertinggi dalam Dewan sesebuah negeri, inilah kitab dia. Kalau kita tidak mahu ikut peraturan tidak ada guna.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, dalam *ruling* saya saya tidak kata saya tidak mahu menyemak, tidak ada. Kita akan menyemak sebab kalau ada masa, kalau nak sambung kepada petang ini, saya tidak ada masalah. Kita buat *ruling* bahawa kita tidak akan memberikan peluang pada hari inilah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya menghormati Tuan Yang Dipertua tapi saya tidak faham kenapa Tuan Yang Dipertua tidak boleh membuat pengesahan sekarang kerana nama saya tidak ada di sini. Ia tidak perlu

disemak. Saya rasa Setiausaha pun tahu dan masih lagi ingat dalam aturan ini ucapan-ucapan yang dibuat memang dirakam dan saya bangkit dua kali, pagi tadi pun saya bangkit. Sekarang nak habis sidang pun saya bangkit jugak. Kenapa susah sangat nak beri pengesahan memang saya tidak dicatatkan, Bandar tidak dimasukkan ke dalam minit ini dan mintak supaya selaras dengan peraturan mesyuarat 19, 20 dan sebagainya dimasukkan semula. Itu saya tidak faham, adakah benda ini mencatatkan perjalanan mesyuarat pada hari ini? Saya rasa tidak.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. duduk dulu. Saya punya *ruling* bukan hari ini, kita akan semak dengan *detail* dan kalau berlaku apa yang dikatakan benar oleh Bandar tadi kita akan buat pembetulan dan hansard kita tidak keluar lagi, ini baru picisan minit mesyuarat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, ini adalah peringatan mesyuarat yang dibawa dalam Dewan pada hari ini untuk kita guna pakai sebagai panduan berasaskan kepada peraturan mesyuarat. Ini kita punya *Standing Order* kita. Dewan tertinggi negeri mana kita boleh buat main-main macam ini. Kalau ada kesilapan kita kena *repair* (baiki).

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya faham Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, saya mohon Bandar duduk dulu. Tuan Yang Dipertua, saya rasa kita semua jelas apa yang dinyatakan oleh Tuan Yang Dipertua sebentar tadi. Tuan Yang Dipertua dengan membaca peraturan dan apa yang telah Yang Dipertua nyatakan saya rasa Yang Dipertua boleh teruskan untuk selesaikan Dewan kita ini. Kalau macam ini tak selesai. Tuan Yang Dipertua, saya mohon diselesaikan segera.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey. Kita dah buat *ruling*, saya mintak Bandar .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya ada cadangan. Saya ada cadangan, Tuan Yang Dipertua, *ruling* dia ialah saya cuma menyebut bahawa kesilapan nama saya tidak tercatat, itu saja.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: *Ruling* saya, saya nak semak dulu. Dan *ruling* saya untuk semakan dan di bawah Fasal 20, adalah tidak adil untuk saya menggunakan masa ini untuk menyemak. Saya kena semak sendiri.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mohon kedudukan Yang Dipertua sebagai Yang Dipertua Dewan memaklumkan kepada saya sekiranya Tuan Yang Dipertua berpuas hati wujud kesilapan atas peringatan minit mesyuarat ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: *Ruling* saya, saya akan buat semakan dan saya tidak akan membuat pembetulan di sini kerana saya semak dulu. Saya kena tengok fakta dulu, ini bukan perkara auta atau sebagainya. Saya tidak menuduh tetapi saya melihat satu fakta yang betul bahawa jika berlaku kesilapan kita akan mengaku.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, menggunakan perkataan seolah-olah saya membawa perkara yang auta.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak, saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, saya ingat Yang Dipertua boleh *stop* dan habiskan sidang kita ini. Tak payah layan perkara ini yang tak habis-habis.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, kita tangguh.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita kena hormati peraturan mesyuarat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bandar duduk. Terima kasih Kuala Berang. Yang Amat Berhormat, sila teruskan.

## **TANGGUHAN**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada satu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya tangguhkan Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang saya kasihi. Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke satu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.

# **LAMPIRAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI  
MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGKAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS  
PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.1.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF**  
**WAKIL JERTIH**

SOALAN 1 : Selaras dengan rancangan kerajaan untuk menjadikan Kuala Besut sebagai Gerbang Pelancongan Antarabangsa, apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri dalam memulihara dan mengekalkan khazanah Taman Laut Kuala Besut supaya tidak tercemar atau musnah oleh pembangunan?

JAWAPAN : Berikut merupakan langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri dalam memulihara dan mengekalkan khazanah Taman Laut Kuala Besut:-

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM/AKTIVITI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>LOKASI</b>
1.	Pemasangan Boya Penambat Bot	27 - 29 Jun 2013	Mengelakkan bot daripada melabuh sauh di kawasan batu karang	Seluruh Pulau Taman Laut Pulau Perhentian
2.	Pembuangan Tukun Konkrit dan Bot	14 – 16 Feb 2013	Tempat Pemuliharaan Sumber dan Pemuliharaan Biodiversiti	Seluruh Pulau Taman Laut Pulau Perhentian
3.	Program COT dan Reef Cleanup	4 – 6 April 2013	Mengelakkan Batu Karang daripada musnah.	Seluruh Pulau Taman Laut Pulau Perhentian

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM/AKTIVITI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>LOKASI</b>
4.	Penenggelaman Tukun PVC	11 - 12 Jun 2013	Membiakkan Batu Karang bagi menampung kawasan yang telah musnah	Hadapan Pusat Taman Laut dan chalet
5.	Program Penenggelaman Tukun Bot dan Tiruan Konkrit	12 Jun 2013	Pembiakan Batu Karang dan sumber	Perairan Pulau Perhentian
6.	Program Penenggelaman Peranti Pengumpul Ikan/Sumber	20 Jun 2013	Pembiakan sumber dan batu karang	Perairan Pulau Perhentian
7.	Program Projek Penyelidikan Pilot Pemuliharaan Ekosistem Marin	28 – 31 Mei 2013	Untuk menghasilkan terumbu karang baru demi kelangsungan hidupan marin	Perairan Pulau Perhentian

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 19 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.2**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI**  
**WAKIL BATU BUROK**

SOALAN 1 : Berapakah kadar penagihan dadah serta HIV dan Aids di negeri Terengganu setiap tahun dan jumlah pusat-pusat serenti yang ada di negeri ini ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Apakah kedudukan terakhir pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan negeri Terengganu dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi menyiapkan projek tersebut ?

JAWAPAN : Kemajuan keseluruhan LPT2 sehingga 31 Ogos 2013 adalah sebanyak 84.95%. Jumlah peruntukan yang disediakan bagi menyiapkan projek tersebut adalah RM4.173 billion. Bagi skop JKR, sejumlah RM2.653 billion telah diperuntukkan manakala bagi skop LLM sejumlah RM1.52 billion telah diperuntukkan.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.3.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT**  
**WAKIL PAKA**

SOALAN 1 : Apakah status terkini projek RKR di Kg. Paya Santong Mukim Kuala Paka ? Bilakah tarikh diluluskan ? Kepada Siapa ia diluluskan ? Berapa kos yang sudah dibelanjakan & Berapakah sebenarnya kos keseluruhan projek tersebut ?

JAWAPAN : Status terkini bagi projek RKR di Kg. Paya Santong, Mukim Kuala Paka adalah TIDAK DILAKSANAKAN dan ditamatkan secara "Mutual Termination" pada 14 Januari 2010. Projek ini diluluskan pada 27 Januari 2008 kepada KIP Structure Sdn. Bhd. Dengan kos keseluruhan sebanyak RM19,867,957.00. Manakala kos yang sudah dibelanjakan adalah RM1,774,411.88 melibatkan kerja-kerja tanah RM400,861.88 dan kos awalan RM1,343,550.00.

SOALAN 2 : Berapakah lesen yang dikeluarkan untuk pengeluaran bijih besi dan galian di Bukit Besi ? Setakat ini berapa jumlah pengeluaran yang telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tersebut mengikut pecahan bijih besi dan galian-galian lain mengikut tahun ? Berapakah jumlah hasil yang diperolehi oleh kerajaan negeri setakat ini semenjak tahun ia beroperasi ?

JAWAPAN :

(i) Bilangan Lesen Yang Dikeluarkan Di Bukit Besi

Sebanyak tujuh (7) lesen perlombongan yang telah dikeluarkan di Bukit Besi. Kesemuanya adalah bagi perlombongan bijih besi. Tiada galian lain yang diluluskan di kawasan Bukit Besi.

(ii) Jumlah Pengeluaran Yang Telah Dikeluarkan Oleh Syarikat-Syarikat Tersebut Mengikut Pecahan Bijih Besi Dan Galian-Galian Lain Mengikut Tahun:

Tahun 2010	-	Cahaya Ikhtiar Sdn. Bhd.	-	48,080.28 tm
	-	Wahaba Wangin Sdn. Bhd.	-	78,377.35 tm
	-	TBM Minerals Resources	-	17,900.00 tm
		JUMLAH	-	144,357.63 tm
Tahun 2011	-	Cahaya Ikhtiar Sdn. Bhd.	-	52,260.50 tm
	-	Wahaba Wangin Sdn. Bhd.	-	118,900.00 tm
	-	TBM Minerals Resources	-	143,606.18 tm
		JUMLAH	-	314,766.68 tm
Tahun 2012	-	Cahaya Ikhtiar Sdn. Bhd.	-	55,072.24 tm
	-	Wahaba Wangin Sdn. Bhd.	-	131,460.38 tm
	-	TBM Minerals Resources	-	144,283.81 tm
		JUMLAH	-	330,816.43 tm
Tahun 2013	-	Cahaya Ikhtiar Sdn. Bhd.	-	27,143.19 tm
	-	Wahaba Wangin Sdn. Bhd.	-	157,382.59 tm
	-	TBM Minerals Resources	-	73,368.43 tm
	-	Lembaga Tabung Amanah	-	60,818.75 tm
		JUMLAH	-	318,712.96 tm
JUMLAH KESELURUHAN PENGELUARAN BIJIH BESI DI BUKIT BESI	-		-	1,108,653.70 tm

(Nota : Rekod jumlah pengeluaran bagi Tahun 2013 adalah bagi bulan Januari – Julai sahaja)

(iii) Jumlah Hasil Yang Diperolehi Oleh Kerajaan Setakat ini Semenjak Tahun Ia Beroperasi

Jumlah hasil daripada bayaran royalti perlombongan Bukit Besi semenjak beroperasi bermula tahun 2010 sehingga bulan Julai 2013 adalah RM1,274,209.13.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah keluasan yang terlibat dengan penerokaan haram kawasan pertanian mengikut pecahan daerah & apakah tindakan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi permasalahan tersebut.

JAWAPAN : Jumlah keluasan yang terlibat dengan penerokaan haram kawasan pertanian mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana jadual di bawah:

BIL	DAERAH	ANGGARAN KELUASAN (HEKTAR)	TINDAKAN YANG DIAMBIL
1.	Kuala Terengganu	207.6046	<p>Mengeluarkan Notis 425 KTN; dan Beberapa tempat/kawasan telah diambil tindakan memusnahkan tanaman tersebut.</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemukakan kertas penyiasatan ke atas peneroka haram kepada Y.B. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri</li> </ul>
2..	Kemaman	365	
3.	Dungun	647.4997	
4.	Besut	397.8000	
5.	Hulu Terengganu	4,000	
6.	Marang	526.9029	
7.	Setiu	1,214.0619	
JUMLAH		7,358.8691	

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.4**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK**  
**WAKIL BUKIT TUNGGAL**

SOALAN 1 : Nyatakan kos projek pembinaan Jambatan Pulau Sekati dan nama syarikat kontraktor yang mendapat tender pembinaan tersebut.

JAWAPAN : Kos projek pembinaan Jambatan Pulau Sekati adalah sebanyak RM242,000,000.00 dan kontraktor yang mendapat tender pembinaan tersebut adalah ZAINAL @ SHARIF IBRAHIM SDN. BHD.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.5.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. AZAN BIN ISMAIL**  
**WAKIL BANDAR**

- SOALAN 1 : Berapakah jumlah peruntukan Wang Ehsan yang dibelanjakan untuk tahun 2012 dan 2013.
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.6**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH**  
**WAKIL BUKIT PAYONG**

SOALAN 1 : Nyatakan sekolah agama rakyat yang mendapat bantuan daripada Kerajaan Terengganu dan jumlah bantuan pada tahun 2012 hingga Ogos 2013.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sila nyatakan kos dan projek-projek jalan kampung yang dilaksanakan pada tahun ini mengikut DUN.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Berapakah kos yang dibelanjakan dan jumlah kambing yang diagihkan kepada penduduk Kuala Besut pada bulan Julai hingga Ogos 2013.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Berapakah jumlah pemohon untuk bantuan pendahuluan kemasukan IPTA/IPTS yang ditolak oleh kerajaan bermula pada bulan Januari hingga Ogos 2013.

JAWAPAN : Tidak ada permohonan yang ditolak kecuali permohonan tidak memenuhi syarat-syarat seperti kerakyatan, ibu atau bapa bukan pengundi berdaftar Negeri Terengganu dan kursus-kursus kemahiran (MLVK) di Syarikat-Syarikat Swasta.

SOALAN 5 : Berapakah pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Terengganu daripada Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.7.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR**  
**WAKIL LADANG**

SOALAN 1 : Sila nyatakan alasan mengapa borang-borang Yayasan Terengganu untuk mendapat bantuan berkaitan kemasukan ke Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang disahkan (ditandatangani) oleh Wakil-wakil Rakyat daripada parti pembangkang pada tahun ini (selepas Pilihan Raya Umum 13) tidak diterima dan dianggap tidak sah oleh Yayasan Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan untuk melabur dalam bidang "oil and gas" di kawasan perindustrian Paka/Kerteh pada tahun 2012 hingga sekarang. Nyatakan juga jumlah modal yang dilabur oleh setiap syarikat. Apakah Kerajaan Negeri mempunyai saham di dalam syarikat-syarikat ini.

JAWAPAN : Hanya sebuah syarikat sahaja yang telah mendapat kelulusan oleh Kerajaan Negeri untuk melabur dalam bidang "oil and gas" di kawasan perindustrian Paka/Kerteh sepanjang tahun 2012 hingga sekarang. Maklumat syarikat tersebut sebagaimana di bawah:-

Bil	Nama Syarikat	Jumlah Pelaburan (RM)
1.	TMM Engineering Services Sdn. Bhd. Lot A-5. Kawasan Perindustrian Cacar, 23100 Paka, Dungun	4.5 Juta

Kerajaan Negeri tidak mempunyai saham dalam syarikat tersebut.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. ARIFFIN BIN DERAMAN**  
**WAKIL ALUR LIMBAT**

SOALAN 1 : Bilakah Sekolah Menengah Kebangsaan Alur Limbat akan disiapkan? Berapakah kos tambahan yang diperuntukkan untuk menyiapkan sepenuhnya sekolah tersebut?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.9**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HANAFIAH BIN MAT**  
**WAKIL CUKAI**

SOALAN 1 : Sila nyatakan prestasi anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad ('EPIC').

- a) Berapakah kos pelaburan EPIC ke atas pembinaan Pusat Taman Air di Tasik Kenyir Kuala Berang.
- b) Berapakah jumlah pelaburan EPIC terhadap pembinaan pelabuhan di Pulau Kuching Kemaman.

JAWAPAN : a) Anggaran pelaburan EPIC bagi pembangunan taman tema air di Tasik Kenyir adalah **RM8,000,000.00**.

- b) Tiada pelaburan pembinaan pelabuhan dibuat oleh EPIC di Pulau Kuching. Kerja yang dijalankan di Pulau Kuching adalah kerja-kerja pengerukan mendalamkan laluan masuk ke Pulau Kuching.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.10.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM**  
**WAKIL TELUK PASU**

SOALAN 1 : Nyatakan status terkini projek pembinaan Jalan dan Jambatan Dari Jeram ke Kampung Tok Kong Ke Kampung Bukit Guntong, Kuala Terengganu, Terengganu?

JAWAPAN : Status terkini projek pembinaan jalan dan Jambatan dari Jeram ke Kampung Tok Kong ke Kampung Bukit Guntong, Kuala Terengganu adalah 91% daripada kemajuan jadual 99%.

SOALAN 2 : Senaraikan syarikat-syarikat yang menyewa bangunan Kompleks Usahawan Terengganu dan berapakah jumlah sewaan yang dikutip mengikut bulan pada tahun 2012?

JAWAPAN : Syarikat-syarikat yang menyewa bangunan Kompleks Usahawan Terengganu adalah:-

Bil	Nama Penyewa
1.	STR Batik Sdn Bhd
2.	Kamis Batik
3.	Nozi Batik
4.	Fadhizan Store
5.	Perniagaan Citrawarna
6.	Pauzi Batik
7.	WA Collection
8.	Outlet Jahitan & Cenderahati
9.	Mohd Nasir bin Abd. Kadir
10.	Seem Noor Batik
11.	Rosazlin Collection
12.	Ross Scarft & Busana
13.	Syamzhida Batik & Songket Collection
14.	Ety Batek
15.	Wan Boutique & Collection
16.	Zyart Batik
17.	Ariza Batik & Collection
18.	WR Exclusive Gallery
19.	Kedai Roti Pa'un
20.	Al-Bakry T'Kafe
21.	T'Shoppe
22.	Sutra Publication
23.	Terengganu Training & Consultancy (TT&C)
24.	Tajro Anaft Hotel

Sewaan yang dikenakan ialah RM1.50 sekaki persegi bagi tingkat bawah dan RM1.00 sekaki persegi bagi tingkat atas. Walau bagaimanapun, tiada sewaan dibuat sepanjang tahun 2012 kerana penyewa telah diikat dengan kontrak untuk merenovasi kedai dengan kos sendiri memandangkan tempoh kontrak masih belum berakhir.

Tempoh kontrak adalah berbeza diantara penyewa tertakluk kepada jumlah kos yang telah dikeluarkan. Tempoh kontrak sewa adalah selama 3 + 2 tahun bergantung kepada komitmen usahawan.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.11**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM**  
**WAKIL TEPOH**

SOALAN 1 : Setakat Januari sehingga Jun 2013, berapakah jumlah pelancong dalam negeri dan luar negeri yang telah mengunjungi negeri ini sempena Tahun Melawat Terengganu 2013 ?

JAWAPAN : Setakat Jun 2013, seramai 1,862,849 orang pelancong telah direkodkan mengunjungi negeri ini sempena Tahun Melawat Terengganu 2013. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,490,436 orang pengunjung adalah pelancong tempatan sementara seramai 372,413 orang pengunjung adalah pelancong dari luar Negara.

SOALAN 2 : Pohon nyatakan jumlah perkahwinan yang berdaftar melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan juga jumlah perceraian yang direkodkan bermula Januari – Jun 2013 dan apakah punca utama perceraian yang dikesan melalui rekod perceraian di negeri ini ?

JAWAPAN : Perkahwinan di Terengganu daripada Januari – Jun 2013 ialah sebanyak 6,549 pasangan atau (13,098 orang). Dalam tempoh tersebut juga seramai 929 pasangan atau (1,858 orang) yang telah bercerai.

Punca utama perceraian ialah suami/isteri tidak bertanggungjawab 38.75%, diikuti faktor campurtangan pihak ketiga 20.98%, seterusnya faktor permasalahan akhlak suami/isteri 12% serta faktor suami/isteri lemah didikan asas agama 11 % dan faktor masalah komunikasi suami isteri 8.35%.

SOALAN 3 : Pohon dinyatakan insiden kemalangan yang telah direkodkan di sepanjang Jalan Kelantan (bermula dari Bulatan Batu Enam sehingga Simpang LKTP Belara) bagi tempoh 2012 dan 2013 dan apakah langkah-langkah yang disusun pihak kerajaan untuk mengurangkan kes kemalangan di sepanjang jalan utama ini ?

JAWAPAN : Sepanjang tahun 2012 hingga bulan Ogos 2013, sebanyak 27 kemalangan telah dilaporkan berlaku bermula dari Bulatan Batu Enam sehingga Simpang LKTP Belara. Dari jumlah tersebut, sebanyak 8 kes mengakibatkan kemalangan maut, 3 kes mengakibatkan cedera parah manakala 16 kes mengakibatkan kerosakan pada kenderaan sahaja.

Statistik adalah seperti berikut :

TAHUN	KEMALANGAN MAUT	KEMALANGAN MENGAKIBATKAN CEDERA PARAH	KEMALANGAN RINGAN	KEMALANGAN MENGAKIBATKAN KEROSAKAN SAHAJA	JUMLAH KEMALANGAN
2012	3	2	-	3	<b>8</b>
2013 (JAN – OGOS)	5	1	-	13	<b>19</b>

Punca Kemalangan:

1. Kecuaian pejalan kaki ketika melintas jalan - 8%
2. Kenderaan terbabas kerana disyaki pandu laju - 25%
3. Kemalangan berpunca ketika cuba atau sedang memotong kenderaan lain - 30%
4. Kecuaian pemandu ketika keluar masuk simpang - 27%
5. Lain-lain punca kemalangan - 10%

Langkah-Langkah Yang Diambil Untuk Mengurangkan Kes Kemalangan Di Kawasan Tersebut

1. Membuat rondaan berkala sebagai tindakan pencegahan.
2. Mengambil tindakan penguatkuasaan (saman) ke atas semua kenderaan yang melakukan kesalahan.
3. Penugasan anggota Polis Statik ditempat-tempat yang dikenalpasti.

SOALAN 4 : Pohon dinyatakan Pusat Hemodialisis yang beroperasi di negeri Terengganu mengikut pecahan daerah samada yang diuruskan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta ? Adakah pihak kerajaan mempunyai cadangan untuk membuat tambahan Pusat Hemodialisis ini dalam tempoh terdekat?

JAWAPAN DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Dalam pembentangan Enakmen Perbekalan 2013, terdapat satu catatan berhubung usaha menghargai sumbangan Jurumandi dan Pembantu Jurumandi Jenazah yang mendapat kenaikan imbuhan. Pohon nyatakan jumlah Jurumandi dan Pembantu Jurumandi di seluruh daerah dan siapakah yang menyelia perkhidmatan mereka?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.12.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK**  
**WAKIL SURA**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah usahawan bumiputera di daerah Dungun yang berdaftar di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan. Apakah usaha kerajaan dalam menyediakan tempat-tempat perniagaan yang strategik yang boleh dimiliki atau disewa dengan harga yang berpatutan?

JAWAPAN : 1. Jumlah usahawan bumiputera di daerah Dungun yang berdaftar di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan seramai 145 usahawan.

2. Usaha kerajaan dalam menyediakan tempat perniagaan yang strategik adalah dengan mengenal pasti lokasi yang akan dibangunkan tempat-tempat perniagaan, agar mampu memberi keuntungan kepada usahawan. Ini dapat dilihat dengan terbinanya kilang bimbingan IKS Bukit Kor, Marang, kilang bimbingan IKS di Ajil Hulu Terengganu. Kilang bimbingan IKS Batu 7, Dungun, Business Centre, Dungun, Pusat Perniagaan TTC,

Inkubator Industri Desa (IID) Kuala Ping, Hulu Terengganu, Pulau Serai, Dungun, Pasir Akar, Besut, Anak Ikan Besut, Bangunan T'café Food Court, Kuala Terengganu, Pusat Promosi Produk (PPPT) Kemaman, Besut dan Marang. Kerajaan sentiasa memastikan nilai sewaan premis untuk usahawan adalah rendah dan berpatutan agar sewaan tersebut tidak membebankan usahawan.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.13.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HILMI BIN HARUN**  
**WAKIL MANIR**

SOALAN 1 : Nyatakan keluasan tanaman kelapa Matag dan berapa peratuskah Jabatan Pertanian Terengganu dapat menampung keperluan semasa buah kelapa diperingkat Negeri Terengganu dengan pelaburan yang dibuat oleh jabatan pertanian sebanyak 1.2 juta?

JAWAPAN : Keluasan tanaman kelapa matag bagi Negeri Terengganu sehingga kini ialah 155.4 hektar. Dianggarkan pengeluaran kepala matag adalah sebanyak 2.331 mt setahun dan hanya dapat menampung 10.3% daripada keperluan kelapa Negeri Terengganu.

Namun begitu, keluasan keseluruhan tanaman kelapa pelbagai jenis di Terengganu adalah seluas 2.934.7 hektar dengan pengeluaran hasil sebanyak 6.025 mt iaitu 26.7% daripada keperluan kelapa Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah usaha kerajaan bagi membantu para petani dalam menangani masalah buah-buahan tempatan yang cepat rosak?

JAWAPAN : Antara usaha kerajaan untuk membantu menangani masalah tersebut ialah melalui pembangunan industri hiliran produk buah-buahan melalui teknologi pemprosesan. Program Industri Asas Tani digunakan bagi memproses produk-produk hasil pertanian terutama buah-buahan tempatan yang cepat rosak.

Buah-buahan yang diproses secara minimum merupakan produk segar dalam bentuk sedia untuk dimakan yang disediakan dalam pelbagai bentuk menurut kehendak pasaran dan pengguna. Produk-produk seperti durian, nanas dan nangka telah berjaya dieksport ke negara-negara luar seperti Singapura, Belanda, Switzerland, Belgium dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Bagi pemprosesan hiliran pula, buah-buahan seperti durian, cempedak, dokong dan rambutan boleh proses untuk dijadikan pelbagai produk seperti jem, kordial, halwa, sirap, sos dan sebagainya.

Buah durian juga diproses sebagai "lepok" yang boleh dijadikan "candy" dan setanding dengan dodol yang sedia ada di pasaran. Durian juga boleh diproses untuk dijadikan "paste" yang disejukbekukan yang digunakan dalam pembuatan pastri, kek dan aiskrim.

Melalui Program Industri Asas Tani ini, petani-petani dapat dibantu terutamanya bagi mereka yang menghadapi masalah buah-buahan tempatan yang cepat rosak.

SOALAN 3 : Sejauh manakah kerajaan telah memperhebatkan pembangunan teknologi maklumat di kawasan luar bandar? Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan satu rumah satu komputer sebagaimana yang dilaksanakan dalam Program E-Book?

JAWAPAN : 1. Kerajaan telah menubuhkan 47 buah Pusat Bestari.Comm di seluruh negeri Terengganu bagi kemudahan masyarakat luar bandar.

2. Pusat Bestari.Comm berperanan :

- a. Menyediakan perkhidmatan ICT secara percuma.
- b. Menyediakan kursus-kursus ICT untuk masyarakat di semua peringkat seperti:
  - Kanak-kanak
  - Pelajar
  - Suri rumah
  - Orang dewasa
  - Imam dan bilal
  - JKKK
  - Badan-badan NGO
- c. Bertindak sebagai jentera kerajaan dalam menyampaikan maklumat untuk disalurkan kepada rakyat dari masa ke semasa.

iii. Bagi memperhebatkan pembangunan teknologi maklumat di luar bandar, pihak pengurusan telah menganjurkan beberapa program ICT di setiap Bescomm dan juga setiap DUN. Program-program ini kebanyakannya melibatkan penyertaan dari masyarakat setempat. Program-program tersebut adalah seperti :-

- Minggu Bescomm
- Bescomm Tour
- Karnival ICT
- Karnival Jalur Lebar
- ICT – Day

iv. Rangkaian Jalur Lebar Kerajaan Negeri Terengganu (T@WAN).

- a. Menyediakan perkhidmatan Wifi Percuma dilokasi terpilih memandangkan teknologi yang digunapakai di dalam Pembangunan Projek Jalur Lebar ini adalah Teknologi Wireless.
- b. 21 buah Bescomm, 6 agensi bukan kerajaan dan 7 pejabat daerah menggunakan rangkaian ini dan terdapat juga beberapa lokasi yang gagal berfungsi dan proses pembaikan sedang dalam perancangan.

- c. Kerajaan negeri juga telah membina 6 menara telekomunikasi bagi memperkasakan lagi pembangunan rangkaian T@WAN ini.
- d. Kerajaan negeri juga telah mengenalpasti hampir 600 lokasi termasuk didalam dan diluar bandar yang akan dibangunkan dan bakal menikmati perkhidmatan Wifi percuma.

Buat masa ini, kerajaan masih belum bercadang untuk memberikan bantuan satu rumah satu komputer.

**MESYUARAT KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 30 SEPTEMBER 2013**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1.14**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN**  
**WAKIL RANTAU ABANG**

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah peruntukan wang ehsan yang dikhususkan kepada nelayan-nelayan di seluruh negeri Terengganu dari tahun 2004 sehingga 2012 berdasarkan pecahan daerah dan nyatakan bentuk bantuan yang telah dilaksanakan?

JAWAPAN : Jumlah peruntukan wang ehsan yang dikhususkan kepada nelayan diseluruh Negeri Terengganu dari tahun 2004 hingga 2012 adalah sebanyak RM13,475,000.00, tiada pecahan mengikut daerah dan bentuk bantuan adalah sebagaimana berikut:

1. Bantuan peralatan perikanan
2. Kemudahan fizikal dan perubahan minda
3. Bantuan peralatan pemasaran
4. Pengukuhan Persatuan Nelayan
5. Peningkatan peralatan usahawan Industri Asas Tani (Pemprosesan) dan pusat pemprosesan
6. Kilang Memproses Keropok Moden Besut dan Pusat Pemprosesan Hasil Laut Dungun
7. Membina dan menyelenggara unjam LKIM

8. Pelepasan benih ikan siakap dan udang galah di sungai-sungai

SOALAN 2 : Apakah perancangan dan langkah konkrit yang diambil kerajaan untuk menaiktaraf sosial ekonomi beliawanis dan ibu tunggal.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu telah memperuntukkan RM20 juta bagi merancang program untuk meningkatkan sosio ekonomi Ibu Tunggal termasuklah :-

- A. Program Pembangunan Modal Insan
- B. Latihan Kemahiran Ibu Tunggal
- c. Bantuan Pengurusan Persatuan / Kelab Ibu Tunggal
- D. Insentif Perkahwinan Ibu Tunggal
- E. Insuran Berkelompok Ibu Tunggal
- F. Program Pembangunan Ekonomi Ibu Tunggal
- G. Pembinaan Bangunan Ibu Tunggal

Sehingga kini Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu telah memberi pinjaman Modal Program Jaya Diri kepada seramai 43 orang beliawanis bagi menjalankan projek-projek ekonomi untuk menambah pendapatan mereka yang kesemuanya berjumlah RM317,000.00.